

Wanita Dalam Islam dan Wanita Dalam Tradisi Judeo-Kristian:

Mitos dan Kenyataan

Oleh Dr. Sherif Abdel-Azeem Mohammed

Penterjemah: Huda Abdul Rahim

1. Pengenalan

Lima tahun lalu, saya membaca sebuah artikel di dalam *Toronto Star* bertarikh 3hb. Julai, 1990, bertajuk "*Islam tidak bersendirian dalam doktrin-doktrin patriakal*" oleh Gwynne Dyer. Artikel tersebut menceritakan reaksi marah peserta-peserta sebuah persidangan mengenai wanita dan kuasa yang diadakan di Montreal terhadap komen seorang ahli feminis Mesir, iaitu Dr. Nawal Saadawi. Antara lain, kenyataannya yang 'salah secara politik' adalah: "*elemen yang paling mengongkong wanita ditemui pertamanya di dalam Judaisma di dalam Perjanjian Lama, kemudian di dalam Kristian, dan kemudian di dalam Qur'an*"; "*semua agama adalah patriakal kerana ia tumbuh dari masyarakat patriakal*", dan, "*berhijab untuk wanita tidak khusus kepada amalan Islam tetapi adalah amalan budaya purba yang diwarisi dan adalah sebanding dengan agama-agama kembarnya*". Para peserta tidak tahan duduk sajaja sambil mendengar agama mereka disamakan dengan Islam, maka Dr. Saadawi dihujani kritikan. "*Komen Dr. Saadawi tidak dapat diterima. Jawapannya mendedahkan kurangnya kefahaman mengenai agama orang lain*", kata Bernice Dubois yang mewakili Gerakan Ibu-ibu Sedunia. "*Saya bantah*", kata ahli panel, Alice Shalvi, dari rangkaian wanita Israel, "*konsep hijab tiada di dalam Judaisma*". Artikel tersebut menyandarkan bantahan-bantahan tersebut kepada kecenderungan yang kuat di Barat untuk menyalahkan Islam atas amalan-amalan yang sebenarnya juga adalah sebahagian daripada warisan budaya barat. "*Para feminis Kristian dan Yahudi tidak tahan duduk sahaja sementara mereka dibincangkan dalam kategori yang sama dengan orang-orang Islam yang jahat*", tulis Gwynne Dyer.

Saya tidak terkejut bahawa peserta-peserta persidangan tersebut mempunyai padangan yang begitu negatif terhadap Islam, terutamanya apabila melibatkan isu-isu wanita. Di Barat, Islam dipercayai sebagai simbol yang merendahkan wanita. Untuk memahami betapa mantapnya kepercayaan ini, lihat saja Menteri Pendidikan Perancis yang baru-baru ini telah mengarahkan supaya semua gadis Muslim yang memakai hijab dibuang sekolah¹! Seorang pelajar Muslim yang memakai selendang dinafikan haknya mendapat pendidikan di Perancis sementara seorang pelajar Katolik yang memakai salib atau seorang pelajar Yahudi yang memakai ketayap Yahudi tidak pula berhadapan dengan masalah tersebut. Babak polis Perancis melarang gadis-gadis Islam yang memakai selendang daripada memasuki sekolah tinggi ini tidak dapat dilupakan. Ia mengembalikan kenangan terhadap suatu lagi babak yang memalukan bila mana pada tahun 1962, Gabenor Alabama, iaitu George Wallace, berdiri di hadapan pagar sekolah untuk menghalang pelajar-pelajar berkulit hitam daripada masuk ke sekolah-sekolah di Alabama untuk menghalang desegregasi. Bezanya di antara dua babak ini ialah pelajar-pelajar kulit hitam ini menerima simpati ramai di Amerika dan seluruh dunia. Presiden Kennedy menghantar U.S. National Guard untuk memastikan supaya pelajar-pelajar kulit hitam ini dibenarkan masuk ke sekolah. Sebaliknya, gadis-gadis Islam ini tidak menerima bantuan sesiapa. Masalah mereka menerima amat sedikit atau tiada langsung simpati sama ada dari dalam atau dari luar Perancis. Ini disebabkan meluasnya salah faham dan rasa takut terhadap apa-apa yang bersangkutan dengan Islam dalam dunia hari ini.

Apa yang paling menarik perhatian saya mengenai persidangan di Montreal ini adalah soalan ini: Adakah kenyataan yang dibuat oleh Saadawi, atau mana-mana kritiknya, adalah fakta? Dengan kata lain,

¹ *The Globe and Mail*, 4hb. Oktober, 1994.

adakah Judaisma, Kristian dan Islam mempunyai konsep yang sama mengenai wanita? Adakah konsep mereka berbeza? Adakah Judaisma dan Kristian benar-benar memberikan layanan yang lebih baik kepada wanita berbanding Islam? Apakah perkara sebenarnya?

Tidak mudah untuk mencari dan mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan yang sukar ini. Kesukaran pertama adalah seseorang perlu berlaku adil dan objektif, atau sekurang-kurangnya, perlu cuba sedaya-upaya berbuat demikian. Ini adalah apa yang diajar oleh Islam. Qur'an mengajar umat Islam untuk berkata benar biarpun itu tidak disukai oleh mereka yang rapat dengannya:

"Dan apabila kamu berkata, maka hendaklah kamu berlaku adil kendatipun dia adalah kerabatmu"

Al-Qur'an, A'-An'aam (6):152

"Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu, jika dia kaya atau miskin"

Al-Qur'an, An-Nisaa' (4):135

Kesukaran lain adalah subjek ini amat luas. Oleh itu, selama beberapa tahun yang lepas, saya telah menghabiskan masa berjam-jam membaca Bible, *Encyclopaedia of Religion*, dan *Encyclopaedia Judaic*, untuk mencari jawapan. Saya telah membaca banyak buku yang membincangkan kedudukan wanita dalam agama-agama yang berbeza yang ditulis oleh para sarjana, golongan pembela dan para pengkritik. Bahan yang dipersembahkan di bawah mewakili penemuan-penemuan penting kajian yang tidak seberapa ini. Saya tidak mendakwa bahawa saya benar-benar objektif. Itu melampaui kemampuan saya. Apa yang boleh saya katakan ialah sepanjang penyelidikan ini saya telah cuba menggunakan pendekatan Qur'an yang ideal dalam 'berlaku adil'.

Saya ingin menekankan pada bahagian pengenalan ini bahawa tujuan kajian saya bukan untuk merendahkan Judaisma atau Kristian. Sebagai Muslim, kami percaya bahawa kedua-dua agama diturunkan oleh Tuhan. Tiada sesiapa yang boleh menjadi seorang Muslim tanpa percaya bahawa Musa dan Jesus adalah nabi-nabi Tuhan yang agung. Matlamat saya adalah untuk menyangkal tuduhan terhadap Islam dan memberi penghargaan yang tidak pernah diberikan oleh Barat kepada kebenaran Utusan Tuhan kepada manusia. Saya juga ingin menekankan bahawa saya hanya berminat terhadap Doktrin. Minat utama saya adalah mengenai kedudukan wanita dalam ketiga-tiga agama ini seperti mana yang terdapat di dalam sumber-sumber asal, bukannya apa yang diamalkan oleh pengikut-pengikut mereka di dunia hari ini. Oleh yang demikian, kebanyakan bukti dipetik dari Qur'an, sunnah Nabi Muhammad, Bible, Talmud dan kata-kata Bapa-bapa Gereja yang amat berpengaruh yang mana pandangan mereka telah memberikan sumbangan yang besar dalam menakrifkan dan membentuk agama Kristian. Tumpuan terhadap sumber-sumber ini adalah disebabkan hakikat bahawa memahami sesuatu agama berdasarkan sikap dan tingkah-laku sebahagian kecil penganut-penganutnya akan memberikan gambaran yang tidak tepat. Ramai yang keliru di antara budaya dan agama, ramai yang tidak tahu apa yang kitab-kitab agama mereka katakan, dan ramai juga yang tidak ambil kisah.

2. Kesalahan Hawa

Ketiga-tiga agama bersetuju dengan satu fakta asas: kedua-dua wanita dan lelaki dicipta oleh Tuhan, Pencipta alam semesta. Namun perbalahan bermula tidak lama selepas penciptaan manusia pertama, iaitu Adam, dan wanita pertama, iaitu Hawa. Konsep penciptaan Adam dan Hawa di dalam Judaeo-Kristian diceritakan secara terperinci di dalam Kejadian 2:4 - 3:24. Tuhan melarang mereka daripada memakan buah dari pohon larangan. Ular menggoda Hawa untuk memakannya dan Hawa pula menggoda Adam untuk

makan bersamanya. Apabila Tuhan memarahi Adam atas apa yang beliau lakukan, beliau meletakkan kesalahan tersebut kepada Hawa, "*Perempuan yang kautempatkan di sisiku, dialah yang memberi dari buah pohon itu kepadaku, maka kumakan.*".

Maka Tuhan berfirman kepada Hawa:

"Susah payahmu waktu mengandung akan Kubuat sangat banyak; dengan kesakitan engkau akan melahirkan anakmu; namun engkau akan berahi kepada suamimu dan ia akan berkuasa atasmu."

Kepada Adam Dia berfirman:

"Kerana engkau mendengarkan perkataan isterimu dan memakan dari buah pohon, yang telah Kuperintahkan kepadamu: Jangan makan daripadanya, maka terkutuklah tanah kerana engkau; dengan bersusah payah engkau akan mencari rezekimu dari tanah seumur hidupmu"

Konsep Islam mengenai ciptaan manusia pertama dijumpai di beberapa tempat di dalam Qur'an, contohnya:

"(Dan Allah berfirman): 'Hai Adam, bertempat tinggallah kamu dan isterimu di syurga serta makanlah olehmu berdua (buah-buahan) di mana saja yang kamu sukai, dan janganlah kamu berdua mendekati pohon ini, lalu jadilahkamu berdua termsuk orang-orang yang zalim'. Maka syaitan membisikkan fikiran jahat kepada keduanya untuk menampakkan kepada keduanya apa yang tertutup daripada mereka, itu auratnya dan syaitan berkata: 'Tuhan kamu tidak melarangmu daripada mendekati pohon ini melainkan supaya kamu berdua tidak menjadi malaikat atau tidak menjadi orang-orang yang kekal (dalam syurga)'. Dan dia (syaitan) bersumpah kepada keduanya. 'Sesungguhnya saya adalah termasuk orang yang memberi nasihat kepada kamu berdua'. Maka syaitan membujuk keduanya (untuk memakan buah itu) dengan tipu daya. Tatkala keduanya telah merasai buah kayu itu, nampaklah bagi keduanya aurat-auratnya, dan mulailah keduanya menutupinya dengan daun-daun syurga. Kemudian Tuhan mereka menyeru mereka: 'Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pohon kayu itu dan Aku katakan kepadamu: 'Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu berdua?'. Keduanya berkata: 'Ya Tuhan kami, kami telah menganiayai diri kami sendiri dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya pastilah kami termasuk orang-orang yang rugi.'"

Al-Quran, Al-A'raaf (7):19-23

Pemerhatian yang teliti ke atas kedua-dua kisah penciptaan ini mendedahkan beberapa perbezaan yang penting. Tidak seperti Bible, Qur'an meletakkan beban kesalahan yang sama ke atas kedua-dua Adam dan Hawa atas kesalahan mereka. Seseorang tidak akan menjumpai di mana-mana di dalam Qur'an walau sedikit pun kiasan bahawa Hawa menggoda Adam untuk memakan dari pohon tersebut, atau bahawa beliau memakannya sebelum Adam memakannya. Di dalam Qur'an, Hawa bukan penggoda, bukan yang memperdayakan Adam. Tambahan lagi, Hawa juga tidak dibebankan dengan menanggung kesakitan melahirkan anak. Menurut Qur'an, Tuhan tidak menghukum seseorang disebabkan kesalahan orang lain. Kedua-dua Adam dan Hawa telah berbuat dosa dan telah memohon keampunan Tuhan dan Dia mengampunkan mereka.

3. Warisan Hawa

Di dalam Bible, imej Hawa sebagai penggoda telah memberikan kesan yang amat negatif terhadap wanita sepanjang tradisi Judaeo-Kristian. Semua wanita dipercayai telah mewarisi kesalahan dan tipu muslihat ibu mereka, iaitu Hawa. Oleh itu, mereka semuanya tidak boleh dipercayai, lebih rendah akhlaknya dan jahat. Haid, kehamilan dan melahirkan anak dianggap sebagai hukuman yang adil terhadap kesalahan

abadi wanita yang merupakan kaum yang telah disumpah. Untuk memahami betapa negatifnya kesan perbuatan Hawa, menurut Bible, ke atas keturunan perempuannya, kita perlu lihat beberapa tulisan-tulisan terpenting Yahudi dan Kristian. Mari kita mulakan dengan Perjanjian Lama dan lihat petikan daripada *Wisdom Literature* di mana kita dapati:

"Dan aku menemukan sesuatu yang lebih pahit daripada maut: perempuan yang adalah jala, yang hatinya adalah jerat dan tangannya adalah belunggu. Orang yang dikenan Allah terhindar daripadanya, tetapi orang yang berdosa ditangkapnya. Lihatlah, ini yang kudapati, kata Pengkhotbah: Sementara menyatukan yang satu dengan yang lain untuk mendapat kesimpulan, yang masih kukari tetapi tidak kudapati, kudapati seorang lelaki yang lurus di antara seribu, tetapi tidak kudapati seorang perempuan yang lurus di antara mereka."

Pengkhotbah 7:26-28

Di bahagian lain pustaka Ibrani yang didapati dalam Bible Katolik, kita dapati:

"Tiada kejahatan yang serupa dengan kejahatan wanita... Dosa bermula dengan wanita dan kerananya kita semua harus mati"

Pengkhotbah 25: 19,24

Rabai Yahudi menyenaraikan sembilan sumpahan yang dikenakan ke atas wanita disebabkan kesalahan tersebut:

*"Kepada wanita diberikanNya sembilan sumpahan dan kematian: beban darah haid dan darah perawan; beban kehamilan; beban melahirkan anak; beban membesarkan anak-anak; kepalanya dilitupi seperti dalam perkabungan; dia menindik telinganya seperti seorang hamba yang abdi atau seperti hamba perempuan yang berkhidmat untuk tuannya; dia tidak dipercayai sebagai saksi; dan setelah semua ini - kematian"*²

Sehingga ke hari ini, lelaki Yahudi ortodoks berdoa setiap pagi, "Dirahmati Tuhan, Raja semesta Alam, kerana Dia tidak menjadikan aku perempuan". Sebaliknya, wanita bersyukur kepada Tuhan setiap pagi kerana "menjadikan aku menurut kehendakMu"³. Satu lagi doa yang dijumpai dalam banyak buku-buku doa Yahudi adalah: "Segala puji bagi Tuhan kerana tidak menjadikan aku bukan Yahudi. Segala puji bagi Tuhan kerana tidak menjadikan aku seorang perempuan. Segala puji bagi Tuhan kerana tidak menjadikan aku seorang yang jahil"⁴.

Hawa di dalam Bible memainkan peranan yang lebih besar di dalam Kristian daripada di dalam Judaisma. Dosanya adalah tiang kepada keseluruhan kepercayaan Kristian kerana konsep Kristian mengenai misi Jesus Kristus di Bumi bertunjangkan keengkarannya kepada Tuhan. Beliau telah berdosa dan kemudian menggoda Adam untuk menurutinya. Oleh itu, Tuhan mengusir mereka berdua dari Syurga ke Bumi yang mana ini adalah sumpahan ke atas mereka.

Mereka mewariskan dosa mereka yang tidak diampunkan oleh Tuhan kepada semua keturunan mereka dan dengan itu, semua manusia dilahirkan dalam keadaan berdosa. Untuk membersihkan manusia daripada 'dosa asal', Tuhan terpaksa mengorbankan Jesus yang dipercayai adalah Anak Tuhan di batang salib. Oleh yang demikian, Hawa bertanggungjawab ke atas kesalahannya, dosa suaminya, dosa asal semua manusia, dan kematian Anak Tuhan.

² Leonard J. Swidler, *Women in Judaism: The Status of Women in Formative Judaism*, (Metuchen, N.J.: Scarecrow Press, 1976), m.s. 96-97.

³ Thana Kendath, 'Memories of an Orthodox Youth' in Susannah Heschel, ed. *On being a Jewish Feminist* (New York: Schocken Books, 1983), m.s. 96-97.

⁴ Swidler, op. cit., m.s. 80-81.

Dengan kata lain, tindakan seorang wanita telah menjahanamkan seluruh manusia⁵. Bagaimana dengan anak-anak perempuannya? Mereka adalah orang-orang yang berdosa sepertinya dan mesti dilayan sedemikian. Dengarlah nada keras St. Paul di dalam Perjanjian Baru:

"Seharusnya perempuan berdiam diri dan menerima ajaran dengan patuh. Aku tidak mengizinkan perempuan mengajar dan juga tidak mengizinkan mereka memerintah laki-laki; hendaklah ia berdiam diri. Kerana Adam yang pertama dijadikan, kemudian barulah Hawa. Lagi pula bukan Adam yang tergoda, melainkan perempuan itulah yang tergoda dan jatuh ke dalam dosa."

1 Timothy 2:11-14

St. Tertullian lebih lantang daripada St. Paul. Semasa St. Tertullian bercakap dengan "saudara-saudara perempuan seagama yang dikasihinya", beliau berkata⁶:

"Tidakkah kamu tahu bahawa setiap daripada kamu adalah Hawa? Hukuman Tuhan ke atas jantina kamu berterusan sehingga ke hari ini: kesalahan tersebut harus berterusan. Kamu adalah pintu masuk syaitan. Kamu adalah pembuka pohon terlarang. Kamu adalah yang pertama melanggar undang-undang Tuhan. Kamulah yang memujuknya yang tidak dapat diserang oleh syaitan. Kamu dengan mudah telah memusnahkan rupa Tuhan, iaitu lelaki. Disebabkan kamu, Anak Tuhan terpaksa mati."

St. Augustin yang patuh kepada warisan mereka sebelumnya menulis kepada seorang rakannya:

"Apa bezanya jika dia adalah seorang isteri atau seorang ibu, dia masih Hawa, penggoda yang mesti kita berjaga-jaga terhadapnya... Saya tidak dapat melihat apa gunanya wanita untuk lelaki jika kita tidak mempertimbangkan tugasnya untuk melahirkan anak"

Beberapa abad kemudian, St. Thomas Aquinas masih menganggap wanita sebagai tidak sempurna:

"Merujuk kepada sifat individu, wanita tidak sempurna, kerana kuasa aktif di dalam benih lelaki berkecenderungan untuk menghasilkan apa yang mirip kepada jantina lelaki yang sempurna; manakala wanita dihasilkan daripada kecacatan dalam kuasa aktif atau daripada bahan yang kurang sihat, atau daripada pengaruh luar."

Akhir sekali, reformis terkenal, iaitu Martin Luther, tidak nampak apa faedahnya wanita melainkan untuk melahirkan seramai mungkin anak tanpa mengira apa kesannya.

"Jika mereka lesu atau mati sekali pun, itu tidak mengapa. Biarlah mereka mati melahirkan anak, itulah tugas mereka."

Berkali-kali wanita direndahkan kerana imej Hawa sebagai penggoda disebabkan kisah di dalam Kejadian. Kesimpulannya, konsep Judaeo-Kristian mengenai wanita telah diracuni oleh kepercayaan mengenai sifat Hawa dan perempuan-perempuan dari keturunannya yang berdosa.

Jika kini kita mengalihkan pandangan kita kepada apa yang dikatakan oleh Qur'an mengenai wanita, kita akan dapati bahawa konsep Islam mengenai wanita adalah amat berbeza daripada Judaeo-Kristian. Biarkan Qur'an bersuara sendiri:

"Sesungguhnya lelaki dan perempuan yang muslim, lelaki dan perempuan yang mukmin, lelaki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, lelaki dan perempuan yang benar, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyu', lelaki dan perempuan yang"

⁵ Rosemary R. Ruether, 'Christianity', dalam Arvind Sharma, ed., "Women in World Religions" (Albany: State University of New York Press, 1987) m.s. 209.

⁶ Untuk merujuk kata-kata orang-orang kudus yang utama, rujuk Karen Armstrong, "The Gospel According to Women" (London: Elm Tree Books, 1986) m.s. 52-62. Juga lihat Nancy van Vuuren, "The Subversion of Women as Practiced by Churches, Witch-Hunters, and Other Sexists" (Philadelphia: Westminster Press) m.s. 28-30.

bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, lelaki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar"

Al-Qur'an, Al-Ahzab (33):35

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah daripada yang munkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan mereka taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberikan rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

Al-Quran, Al-Taubah (9):71

"Maka Tuhan mereka memperkenankan permohonannya (dengan berfirman): "Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amal orang-orang yang beramal di antara kamu, baik lelaki atau perempuan (kerana) sebahagian kamu adalah keturunan sebahagian yang lain."

Al-Qur'an, Ali-'Imran (3):195

"Barang siapa mengerjakan perbuatan jahat, maka dia tidak akan dibalas melainkan sebanding dengan kejahatan itu. Dan barang siapa mengerjakan amal yang saleh baik lelaki mahu pun perempuan, maka mereka akan masuk syurga, mereka diberi rezeki di dalamnya tanpa hisab."

Al-Quran, Al-Mukmin (40):40

"Barang siapa yang mengerjakan amal saleh, baik lelaki mahu pun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik, dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang telah mereka kerjakan."

Al-Quran, Al-Nahil (16):97

Jelas pandangan Qur'an terhadap wanita tidak berbeza daripada pandangannya terhadap lelaki. Kedua-dua mereka adalah makhluk ciptaan Tuhan yang matlamat hidup mereka di bumi ini adalah untuk menyembah Tuhan mereka, melakukan amalan-amalan yang baik, mengelakkan amalan-amalan yang buruk, dan kedua-dua mereka akan diberikan ganjaran yang sewajarnya. Qur'an tidak pernah menyebut bahawa wanita adalah pintu syaitan atau bahawa sifat semulajadinya adalah sebagai penggoda. Qur'an juga tidak pernah menyebut bahawa lelaki adalah imej Tuhan; semua lelaki dan semua wanita adalah ciptaanNya - itu sahaja. Menurut Qur'an, peranan wanita tidak terhad kepada melahirkan anak sahaja. Mereka dikehendaki melakukan sebanyak mungkin amalan-amalan baik seperti mana lelaki dikehendaki berbuat demikian. Qur'an tidak pernah berkata bahawa wanita yang benar tidak wujud. Sebaliknya, Qur'an mengarahkan semua orang-orang yang beriman, wanita dan lelaki, untuk mengikuti contoh wanita yang ideal iaitu Maryam dan isteri Firaun:

"Dan Allah membuat isteri Firaun perumpamaan bagi orang-orang yang beriman, ketika dia berkata: 'Ya Tuhanku, bangunkanlah untukku sebuah rumah di sisiMu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Firaun dan perbuatannya, dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim', dan (ingatlah) Maryam puteri Imran yang memelihara kehormatannya, maka Kami tiupkan ke dalam rahimnya sebahagian daripada roh (ciptaan) Kami dan dia membenarkan kalimat Tuhannya dan Kitab-kitabNya; dan adalah dia termasuk orang-orang yang taat."

Al-Qur'an, At-Tahrim (66):11-12

4. Anak-anak Perempuan Yang Memalukan

Sesungguhnya perbezaan sikap di antara Bible dan Qur'an terhadap perempuan bermula sebaik sahaja seorang bayi perempuan dilahirkan. Contohnya, Bible mengatakan bahawa tempoh masa ibu tidak suci adalah dua kali lebih lama jika beliau melahirkan anak perempuan (Lev. 12:2-5). Bible Katolik dengan jelas mengatakan:

"Kelahiran anak perempuan adalah merugikan."

Pengkhotbah 22:3

"Seorang lelaki yang mendidik anak lelakinya akan dicemburui musuhnya"

Pengkhotbah 22:3

Rabai Yahudi menjadikan kewajipan bagi seorang lelaki Yahudi untuk memperolehi anak untuk menyebarkan bangsa mereka. Pada masa yang sama, mereka tidak menyembunyikan yang mereka mengutamakan anak lelaki: *"Semuanya baik buat anak-anak lelaki, tetapi semuanya buruk buat anak-anak perempuan."*, *"Pada kelahiran bayi lelaki, semua bergembira... pada kelahiran bayi perempuan, semua berduka"*, dan, *"Apabila seorang bayi lelaki dilahirkan ke dunia, kedamaian tiba di dunia... Apabila seorang bayi perempuan dilahirkan, tiada apa yang tiba."*⁷

Anak perempuan dianggap sebagai amat membebankan dan sumber yang boleh membawa malu kepada bapanya:

"Anak perempuanmu degil? Awasi dia dengan ketat supaya dia tidak menjadikan kamu bahan tawa musuh-musuhmu, menjadi bahan percakapan di bandar, menjadi buah mulut orang, dan memberi kamu malu"

Pengkhotbah 42:11

"Kawal ketat anak perempuanmu yang degil, atau dia akan mengambil kesempatan di atas kebebasan yang diberi. Awasi dengan ketat matanya yang tidak tahu malu, jangan terkejut jika dia memalukan kamu."

Pendirian yang sama ini, bahawa anak perempuan akan membawa malu, telah menyebabkan penyembah-penyembah berhala Arab sebelum kedatangan Islam menanam hidup-hidup anak perempuan mereka. Qur'an mengutuk keras amalan kejam ini:

"Dia menciptakan apa yang dia kehendaki. Dia memberikan anak-anak perempuan kepada siapa yang Dia kehendaki dan memberikan anak-anak lelaki kepada siapa yang Dia kehendaki"

Al-Qur'an, Asy-Syura (42):49

Untuk menghapuskan semua amalan membunuh anak perempuan dalam masyarakat Islam, Nabi Muhammad berjanji bahawa sesiapa yang memperolehi anak perempuan akan diberikan ganjaran yang besar jika mereka membesarkannya dengan baik:

"Sesiapa yang membesarkan anak-anak perempuannya, dan melayan mereka dengan baik, mereka akan melindunginya dari api neraka."

(Bukhari dan Muslim)

⁷ Swidler, op. cit., m.s. 140.

"Sesiapa yang membesarkan dua orang anak perempuan sehingga mereka dewasa, pada hari Akhirat dia dan aku seperti ini; dan baginda merapatkan jari-jarinya."

(Muslim)

5. Pendidikan Perempuan

Perbezaan sikap di antara Bible dan Qur'an mengenai perempuan tidak terhad kepada bayi perempuan yang baru lahir, tetapi menjangkauinya. Mari kita bandingkan sikap terhadap perempuan yang mahu mempelajari agamanya. Jantung kepada Judaisma adalah undang-undang Taurat. Namun menurut Talmud, *"wanita dikecualikan daripada mempelajari Taurat"*. Sesetengah Rabai Yahudi dengan tegas berkata, *"Lebih baik perkataan-perkataan di dalam Taurat dibinasakan api daripada diajarkan kepada perempuan."*, dan, *"Jika seorang lelaki mengajar anak perempuannya Taurat, seolah-olah beliau mengajarnya kegasangan."*⁸.

Sikap St. Paul di dalam Perjanjian Baru juga tidaklah lebih baik:

"Kaum wanita haruslah berdiam diri di dalam gereja. Mereka tidak dibenarkan berkata-kata; mereka harus patuh kerana demikianlah ajaran Taurat. Jika mereka hendak mengetahui sesuatu, mereka harus bertanya kepada suami mereka di rumah. Amatlah memalukan jika seseorang wanita berkata-kata di perjumpaan jemaah."

1 Korintus 14:34-35

Bagaimana seorang wanita harus belajar jika beliau tidak dibenarkan bercakap? Bagaimana intelek seorang wanita dapat berkembang jika beliau harus sentiasa patuh? Bagaiman dia dapat mengembangkan pengetahuannya jika satu-satunya sumber maklumatnya adalah suaminya di rumah?

Untuk berlaku adil, kita harus bertanya: adakah Qur'an mempunyai pendirian yang berbeza? Satu kisah pendek di dalam Qur'an meringkaskan pendiriannya dengan padat. Khawlah adalah seorang wanita Islam yang suaminya, iaitu Aws, dalam keadaan marah telah berkata kepadanya: *"Kamu bagiku adalah seperti belakang ibuku"*. Bagi penyembah-penyembah berhala Arab, kata-kata ini adalah kenyataan cerai yang membebaskan suami daripada tanggungjawab memberikan nafkah batin, tetapi tidak membebaskan isteri untuk meninggalkan rumah suaminya, atau untuk berkahwin dengan lelaki lain. Apabila mendengar kata-kata suaminya, Khawlah merasa amat sedih. Beliau terus pergi berjumpa dengan Nabi untuk menceritakan kisahnya. Nabi menasihatkannya supaya bersabar kerana tidak kelihatan jalan keluar untuknya. Khawlah terus mendesak Nabi dalam usaha untuk menyelamatkan rumah tangganya. Tidak lama kemudian, Qur'an masuk campur: rayuan Khawlah diterima. Keputusan wahyu memansuhkan amalan yang tidak adil ini. Satu surah penuh (Surah 58) di dalam Qur'an yang bertajuk 'Al-Mujaadilah' atau 'Wanita yang Mengajukan Gugatan' dinamakan sempena peristiwa ini:

"Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan wanita yang memajukan gugatan kepada kamu tentang suaminya, dan mengadukan (halnya) kepada Alalh. Dan Allah mendengar soal jawab di antara kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

Al-Qur'an, Al-Mujaadilah (58):1

Menurut pandangan Qur'an, seorang wanita berhak berhujah malah dengan Nabi kepada agama Islam sendiri. Tiada sesiapa berhak mengarahkannya untuk diam. Beliau tidak perlu menganggap bahawa suaminya adalah satu-satunya sumber rujukannya mengenai hal-hal hukum dan agama.

⁸ Denise L. Carmody, 'Judaism', dalam Arvind Sharma, ed., op. cit., m.s. 197.

6. Wanita Yang Tidak Suci

Undang-undang dan peraturan Yahudi mengenai wanita yang sedang haid adalah amat ketat. Perjanjian Lama menganggap wanita yang sedang haid sebagai tidak suci. Malah ketidaksuciannya boleh 'menjangkiti' orang lain. Apa-apa dan sesiapa yang disentuhnya menjadi tidak suci selama sehari:

"Apabila seorang perempuan mengeluarkan lelehan, dan lelehannya itu adalah darah dari auratnya, dia harus tujuh hari lamanya dalam cemar kainnya, dan setiap orang yang kena kepadanya menjadi najis sampai matahari terbenam. Segala sesuatu yang ditidurnya selama dia cemar kain menjadi najis. Dan segala sesuatu yang didudukinya menjadi najis juga. Setiap orang yang kena kepada tempat tidur perempuan itu haruslah mencuci pakaiannya, membasuh tubuhnya dengan air dan dia menjadi najis sampai matahari terbenam. Setiap orang yang kena kepada sesuatu barang yang diduduki perempuan itu haruslah mencuci pakaiannya, membasuh diri dengan air dan dia menjadi najis sampai matahari terbenam. Juga pada waktu dia kena kepada sesuatu yang ada di tempat tidur atau di atas barang yang diduduki perempuan itu, dia menjadi najis sampai matahari terbenam."

Imamat 15:19-23

Disebabkan beliau 'mencemarkan', kadang-kala seorang wanita yang sedang haid 'dipencilkan' untuk mengelakkan tersentuh olehnya. Beliau dihantar ke rumah khas yang dinamakan 'rumah yang tidak suci' untuk sepanjang tempoh beliau tidak suci⁹. Talmud menganggap wanita yang sedang haid 'bahaya' walaupun tanpa sebarang hubungan secara fizikal.

"Rabai kita mengajarkan: ... jika seorang wanita yang sedang haid lalu di antara dua lelaki, jika pada waktu itu adalah permulaan haidnya, dia akan membunuh salah seorang daripada mereka, dan jika pada masa itu adalah penghujung haidnya, dia akan menyebabkan persengketaan di antara mereka"

(bPes 111a)

Selanjutnya, suami kepada seorang wanita yang sedang haid tidak dibenarkan memasuki saumaah jika beliau telah menjadi tidak suci walaupun disebabkan oleh habuk di bawah kaki isterinya. Seorang imam yang isterinya, anak perempuannya, atau ibunya sedang haid tidak dibenarkan menyampaikan khutbah di saumaah¹⁰. Tidak hairanlah ramai wanita Yahudi masih merujuk kepada haid sebagai 'sumpahan'¹¹.

Islam tidak menganggap wanita yang sedang haid sebagai mempunyai sebarang 'ketidaksucian yang boleh dijangkiti'. Beliau tidak dikelaskan sebagai 'tidak boleh disentuh' atau 'disumpah'. Beliau boleh menjalani hidupnya seperti biasa kecuali pasangan yang telah berkahwin tidak dibenarkan bersetubuh semasa tempoh haid. Hubungan fizikal lain di antara mereka dibenarkan. Wanita yang sedang haid dikecualikan daripada beberapa ibadat seperti sembahyang harian dan berpuasa.

7. Memberi Persaksian

Satu lagi isu di mana Bible dan Qur'an berbeza pendapat adalah mengenai wanita sebagai saksi. Memang benar bahawa Qur'an mengarahkan orang-orang beriman supaya mendapatkan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi wanita untuk urusan perniagaan. Tetapi, adalah juga benar bahawa dalam keadaan lain, Qur'an menerima persaksian seorang wanita sebagai sama seperti persaksian seorang lelaki. Malah persaksian seorang wanita boleh membatalkan persaksian seorang lelaki.

⁹ Swidler, op. cit., m.s. 137.

¹⁰ Ibid., m.s. 138.

¹¹ Sally Priesand, "Judaism and the New Woman" (New York: Behrman House, Inc., 1975) m.s. 24.

Jika seorang lelaki menuduh isterinya tidak menjaga kehormatan, beliau dikehendaki bersumpah dengan Qur'an sebanyak lima kali sebagai bukti kesalahan isterinya. Jika isterinya menafikan tuduhan tersebut dan bersumpah sebanyak lima kali juga, maka beliau tidak dianggap bersalah dan perkahwinan tersebut dibatalkan (Al-Qur'an An-Nur (24):6-11).

Sebaliknya, di dalam masyarakat Yahudi awal wanita tidak dibenarkan menjadi saksi¹². Rabai menganggap bahawa wanita tidak dibenarkan memberi persaksian sebagai salah satu daripada sembilan sumpahan ke atas semua wanita disebabkan kesalahan Hawa (lihat bahagian 'Warisan Hawa'). Di Israel hari ini, wanita tidak dibenarkan memberi persaksian di mahkamah Rabbini¹³. Rabai menjelaskan bahawa wanita tidak boleh memberi persaksian dengan memetik Kejadian 18:9-16 yang mengatakan bahawa Sarah, iaitu isteri Ibrahim, telah berbohong. Rabai menggunakan kejadian ini sebagai bukti bahawa wanita tidak layak memberi persaksian. Perlu dinyatakan di sini bahawa kisah di dalam Kejadian 18:9-16 diceritakan di dalam Qur'an lebih daripada sekali tanpa membayangkan bahawa Sarah telah berbohong (11:69-74, 51:24-30). Undang-undang eklesiastikal dan sivil Barat tidak membenarkan wanita memberi keterangan sehinggalah penghujung abad lalu¹⁴.

Menurut Bible, jika seorang lelaki menuduh isterinya tidak menjaga kehormatan, keterangan si isteri tidak dipertimbangkan langsung. Isteri yang dituduh terpaksa melalui perbicaraan yang getir. Dalam perbicaraan ini, si isteri berhadapan dengan ritual yang kompleks dan memalukan yang sepatutnya membuktikan sama ada beliau bersalah atau tidak (Bil. 5:11-31). Jika beliau didapati tidak bersalah, suaminya tidak akan dipersalahkan atas tuduhannya.

Jika seorang lelaki mengahwini seorang wanita dan kemudian menuduh bahawa beliau bukan perawan, keterangan wanita tersebut tidak diambil kira. Ibu bapanya perlu menunjukkan bukti keperawanannya kepada orang-orang tua di bandar tersebut. Jika ibu bapanya tidak dapat membuktikan yang anaknya tidak bersalah, beliau akan direjam sampai mati di depan rumah bapanya. Jika bapanya dapat membuktikan yang beliau tidak bersalah, suaminya hanya didenda seratus shekel perak dan beliau tidak boleh menceraikannya sepanjang hidupnya:

"Apabila seseorang mengambil isteri dan setelah menghampiri perempuan itu, menjadi benci kepadanya, menuduhkan kepadanya perbuatan yang kurang senonoh dan membusukkan namanya dengan berkata: Perempuan ini kuambil menjadi isteriku, tetapi ketika ia kuhampiri, tidak ada kudapati padanya tanda-tanda keperawanan - maka haruslah ayah dan ibu gadis itu memperlihatkan tanda-tanda keperawanan gadis itu kepada para tua-tua kota di pintu gerbang. Dan ayah si gadis haruslah berkata kepada para tua-tua itu: Aku telah memberikan anakku kepada lelaki ini menjadi isterinya, lalu dia menjadi benci kepadanya, dan ketahuilah, ia menuduhkan perbuatan yang kurang senonoh dengan berkata: Tidak ada kudapati tanda-tanda keperawanan pada anakmu. Tetapi inilah tanda-tanda keperawanan anakku itu. Lalu haruslah mereka membentangkan kain itu di depan para tua-tua kota. Maka haruslah para tua-tua kota itu mengambil lelaki itu, mengajar dia, mendenda dia seratus syikal perak dan memberikan perak itu kepada ayah si gadis--kerana lelaki itu telah membusukkan nama seorang perawan Israel. Perempuan itu haruslah tetap menjadi isterinya; selama hidupnya tidak boleh lelaki itu menyuruh dia pergi. Tetapi jika tuduhan itu benar dan tidak didapati tanda-tanda keperawanan pada si gadis, maka haruslah si gadis dibawa ke luar ke depan pintu rumah ayahnya, dan orang-orang sekotanya haruslah melempari dia dengan batu, sehingga mati--sebab dia telah menodai

¹² Swidler, op. cit., m.s. 115.

¹³ Lesley Hazleton, "Israeli Women The Reality Behind the Myths" (New York: Simon and Schuster, 1977) m.s. 41.

¹⁴ Matilda J. Gage, "Woman, Church, and State" (New York: Truth Seeker Company, 1893) m.s. 142.

orang Israel dengan bersundal di rumah ayahnya. Demikianlah harus kau hapuskan yang jahat itu dari tengah-tengahmu."

Ulangan 22:13-21

8. Zina

Zina adalah dosa bagi semua agama. Bible menetapkan hukuman mati bagi kedua-dua pezina lelaki dan wanita (Imamat 20:10). Islam juga menghukum kedua-dua pezina lelaki dan wanita (24:2). Bagaimanapun, takrifan zina di dalam Qur'an berbeza daripada takrifan zina di dalam Bible. Menurut Qur'an, zina adalah hubungan luar nikah seorang lelaki yang telah berkahwin dan seorang wanita yang telah berkahwin. Bible hanya mempertimbangkan hubungan luar nikah dengan wanita yang telah berkahwin sebagai zina (Imamat 20:10, Ulangan 22:22, Amsal 6:20 - 7:27).

"Apabila seseorang didapatkan tidur dengan seorang perempuan yang bersuami, maka haruslah keduanya dibunuh mati: lelaki yang telah tidur dengan perempuan itu dan perempuan itu juga. Demikianlah harus kau hapuskan yang jahat itu dari antara orang Israel."

Ulangan 22:22

"Bila seorang lelaki berzina dengan isteri orang lain, yakni berzina dengan isteri sesamanya manusia, pastilah keduanya dihukum mati, baik lelaki mahupun perempuan yang berzina itu."

Imamat 20:10

Menurut takrifan Bible, jika seorang lelaki meniduri wanita yang tidak bersuami, perbuatan ini tidak berdosa langsung. Seorang lelaki yang mengadakan hubungan luar nikah dengan seorang wanita yang tidak bersuami bukan seorang pezina dan wanita tersebut juga bukan pezina. Dosa zina hanyalah apabila seorang lelaki, sama ada telah beristeri atau tidak, meniduri wanita yang bersuami. Dalam kes ini, lelaki ini dianggap pezina walaupun beliau tidak bersiteri, dan wanita tersebut dianggap pezina. Ringkasnya, zina adalah hubungan luar nikah yang melibatkan wanita yang bersuami. Hubungan luar nikah seorang lelaki tidak dianggap sebagai jenayah per se di dalam Bible.

Mengapa begitu? Menurut *Encyclopaedia Judaic*, seorang isteri dianggap sebagai harta suaminya dan zina adalah pelanggaran hak eksklusif suami ke atasnya; isteri sebagai harta suaminya tidak mempunyai hak sedemikian ke atas suaminya¹⁵. Dengan kata lain, jika seorang lelaki mengadakan hubungan jenis dengan seorang wanita yang bersuami, beliau menceroboh harta seorang lelaki lain, dan oleh itu, harus dihukum.

Sehingga ke hari ini di Israel, jika seorang lelaki yang beristeri mempunyai hubungan luar nikah dengan seorang wanita yang tidak bersuami, anaknya dengan wanita tersebut dianggap sah. Sebaliknya, jika seorang wanita yang bersuami mempunyai hubungan luar nikah, sama ada dengan lelaki yang beristeri atau tidak, anaknya dengan lelaki tersebut bukan sahaja tidak sah, tetapi dianggap anak haram dan dilarang mengahwini orang Yahudi lain kecuali orang yang baru memeluk Judaisma atau anak-anak haram lain. Larangan ini diwarisi oleh keturunan mereka selama 10 generasi sehingga cemar zina tersebut dianggap lemah¹⁶.

Sebaliknya, Qur'an tidak menganggap wanita yang bersuami sebagai harta seorang lelaki. Qur'an menerangkan hubungan di antara pasangan suami isteri seperti berikut:

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya di

¹⁵ Jeffrey H. Togay, 'Adultery,' *Encyclopaedia Judaic*, Vol. II, col. 313. Juga lihat Judith Plaskow, *Standing Again at Sinai: Judaism from a Feminist Perspective* (New York: Harper & Row Publishers, 1990) m.s. 170-177.

¹⁶ Hazleton, op. cit., m.s. 41-42.

antaramu rasa kasih sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir."

Al-Quran, Al-Rum (30):21

Inilah konsep Qur'an mengenai perkahwinan: kasih sayang, belas kasihan dan kedamaian; bukannya pemilikan harta dan *double standard*.

9. Nazar/Sumpah

Menurut Bible, seorang lelaki mesti menunaikan nazarnya terhadap Tuhan. Beliau tidak dibenarkan mengingkari nazarnya. Sebaliknya, nazar seorang wanita tidak semestinya mengikatnya. Nazarnya mesti dipersetujui oleh bapanya jika dia tinggal di rumah bapanya, atau oleh suaminya jika beliau telah berkahwin. Jika bapa/suami tidak memersetujui nazar anak perempuannya/isterinya, maka nazar mereka tidak sah:

"Tetapi jika ayahnya melarang dia pada waktu mendengar itu, maka segala nazar dan janji yang mengikat diri anaknya itu tidak akan berlaku; dan TUHAN akan mengampuni perempuan itu, sebab ayahnya telah melarangnya... Tetapi jika suaminya itu membatalkannya dengan tegas pada waktu mendengarnya, maka ucapan apa pun yang keluar dari mulutnya, baik nazar mahupun janji, tidak akan berlaku"

Bilangan 30:5, 12

Mengapakah seorang wanita tidak diikat oleh kata-katanya per se? Jawapannya mudah: kerana beliau adalah milik bapanya sebelum berkahwin, atau milik suaminya selepas berkahwin. Hak seorang bapa ke atas anak perempuannya adalah mutlak sehinggakan beliau boleh menjual anaknya jika beliau mahu! Ini dibuktikan oleh tulisan-tulisan para Rabai bahawa: "*Seorang lelaki boleh menjual anak perempuannya, tetapi seorang wanita tidak boleh menjual anak perempuannya; seorang lelaki boleh menjodohkan anaknya, tetapi seorang wanita tidak boleh menjodohkan anak perempuannya*"¹⁷. Tulisan Rabinik juga menunjukkan bahawa perkahwinan menandakan perpindahan kuasa seorang ayah kepada seorang suami: "*perkahwinan menjadikan seorang wanita milik suci - milik yang tidak boleh dicerobohi - seorang suami...*". Jelas bahawa jika wanita dianggap sebagai milik orang lain, maka beliau tidak boleh membuat nazar yang tidak dipersetujui oleh pemiliknya.

Menarik untuk diperhatikan bahawa perintah Bible mengenai nazar dan sumpah seorang wanita mempunyai kesan negatif ke atas wanita Judaeo-Kristian terhadap wanita sehinggalah awal abad ini. Di dunia Barat, seorang wanita yang bersuami tidak mempunyai sebarang status di sisi undang-undang. Tindakannya tiada kesan di sisi undang-undang. Seorang suami boleh membatalkan sebarang kontrak, jual beli atau persetujuan isterinya. Wanita di Barat (pewaris teramai warisan Judaeo-Kristian) dianggap tidak boleh membuat kontrak yang mengikatnya kerana beliau adalah milik orang lain. Wanita barat menderita selama hampir dua ribu tahun disebabkan sikap Bible terhadap kedudukan wanita vis-à-vis kepada bapa dan suami mereka¹⁸.

Dalam Islam, nazar setiap Muslim, sama ada lelaki atau perempuan, mengikat mereka. Tiada sesiapa yang berhak membatalkan nazar orang lain. Kegagalan menunaikan nazar yang dibuat oleh seorang lelaki atau wanita, harus ditebus seperti yang diterangkan oleh Qur'an:

"Dia (Tuhan) menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengaja, maka kafarat (melanggar) sumpah itu ialah memberi makan sepuluh orang miskin, iaitu daripada makanan yang biasa kamu berikan kepada keluargamu, atau memberi pakaian kepada mereka atau memerdekakan seorang budak. Barang siapa tidak sanggup melakukan yang demikian maka

¹⁷ Swidler, op. cit., m.s. 141.

¹⁸ Gage, op. cit. m.s. 141.

kafaratnya puasa selama tiga hari. Yang demikian itu adalah kafarat sumpah-sumpahmu bila kamu bersumpah (dan kamu langgar). Dan jagalah sumpahmu. Demikianlah Allah menerangkan kepadamu hukum-hukumNya agar kamu bersyukur."

Al-Qur'an, Al-Maiidah (5):89

Sahabat-sahabat Nabi Muhammad, lelaki dan wanita, menyampaikan sumpah taat setia mereka kepadanya secara peribadi. Wanita, dan lelaki, pergi sendiri kepadanya dan bersumpah:

"Hai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tidak akan mempersekutukan sesuatu pun dengan Allah; tidak akan mencuri, tidak akan berzina; tidak akan membunuh anak-anaknya; tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan menderhakaimu dalam urusan yang baik, maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah keampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Al-Qur'an, Al-Mumtahanah (60):12

Seorang lelaki tidak boleh bersumpah bagi pihak anak perempuan atau isterinya. Seorang lelaki juga tidak boleh membatalkan sumpah yang dibuat oleh saudara perempuannya.

10. Harta Seorang Isteri

Ketiga-tiga agama mempunyai kepercayaan yang kuat mengenai kepentingan perkahwinan dan kehidupan berkeluarga. Ketiga-tiganya percaya akan peranan suami sebagai pemimpin keluarga. Namun wujud perbezaan yang besar di antara ketiga-tiga agama mengenai had kepimpinan ini. Tidak seperti Islam, tradisi Judaeo-Kristian meluaskan hak seorang suami kepada pemilikan ke atas isterinya.

Tradisi Yahudi mengenai peranan suami terhadap isterinya berpunca daripada konsep bahawa beliau memiliki isterinya seperti mana beliau memiliki abadinya¹⁹. Konsep inilah penyebab *double standard* dalam undang-undang mengenai zina dan kebolehan suami untuk membatalkan sumpah isterinya. Konsep ini juga bertanggjawab ke atas penafian hak seorang isteri untuk mengawal harta dan pendapatannya. Sebaik sahaja seorang wanita Yahudi berkahwin, beliau hilang hak untuk mengawal hartanya dan pendapatannya kepada suaminya. Rabai Yahudi menegaskan hak suami ke atas harta isterinya adalah seperti hak pemilikan beliau ke atas isteri: "*Oleh kerana beliau telah memiliki wanita tersebut, maka bukankah seharusnya beliau juga memiliki hartanya?*", dan, "*Oleh kerana beliau telah memperoleh wanita tersebut, tidakkah seharusnya beliau juga memperoleh hartanya?*"²⁰. Maka perkahwinan akan menyebabkan seorang wanita kaya menjadi papa kedana. Talmud menerangkan keadaan kewangan seorang isteri seperti berikut:

"Mana mungkin seorang wanita memiliki apa-apa; apa sahaja miliknya adalah milik suaminya? Apa yang menjadi milik suaminya adalah milik suaminya dan apa yang menjadi miliknya adalah milik suaminya... Pendapatannya dan apa yang beliau temui di jalan-jalan juga adalah milik suaminya. Segala isi rumah, malah serbuk roti di atas meja sekali pun, adalah milik suaminya. Jika dia menjemput seorang tetamu ke rumahnya dan memberinya makan, maka dia telah mencuri daripada suaminya..."

(San. 71a, Git. 62a)

Hakikatnya adalah harta seorang wanita Yahudi adalah bertujuan untuk menarik lamaran. Sebuah keluarga Yahudi akan memberikan sebahagian daripada harta bapanya kepada anak-anak perempuan mereka sebagai mas kahwin semasa perkahwinan. Mas kahwin inilah yang menjadikan anak-anak perempuan beban

¹⁹ Louis M. Epstein, "The Jewish Marriage Contract" (New York: Arno Press, 1973) m.s. 149.

²⁰ Swidler, op. cit., m.s. 142.

yang tidak diingini oleh bapa-bapa mereka. Seorang bapa perlu membesarkan anak-anak perempuannya selama bertahun-tahun dan kemudian menyediakan mas kahwin yang besar untuk perkahwinan mereka. Oleh itu, seorang anak perempuan dalam keluarga Yahudi adalah liabiliti, bukan aset²¹. Liabiliti inilah yang menyebabkan kelahiran bayi perempuan tidak disambut dengan gembira dalam masyarakat Yahudi dahulu (lihat bahagian "Anak-anak Perempuan Yang Memalukan"). Mas kahwin adalah hadiah perkahwinan yang diberikan kepada pengantin lelaki dengan syarat penyewaan. Suami boleh bertindak sebagai pemilik harta, tetapi tidak boleh menjualnya. Pengantin perempuan hilang hak ke atas mas kahwin tersebut sebaik sahaja berkahwin. Selanjutnya, beliau perlu bekerja selepas berkahwin dan semua pendapatannya pergi kepada suaminya sebagai nafkah yang menjadi tanggungjawabnya.

Beliau akan mendapat balik hartanya dalam dua kes sahaja: perceraian dan kematian suaminya. Jika beliau meninggal dunia dahulu, suaminya akan mewarisi hartanya. Jika suami meninggal, isteri akan mendapat semula hartanya, tapi beliau tidak berhak mewarisi sebarang harta suaminya. Perlu ditambah bahawa pengantin lelaki juga perlu memberikan hadiah perkahwinan kepada pengantin wanita, tetapi beliau menjadi tuan punya kepada hadiah ini selagi mereka masih suami isteri²².

Sehingga baru-baru ini, Kristian menuruti tradisi Yahudi yang sama. Kedua-dua pihak berkuasa agama dan sivil semasa Empayar Rom Kristian (selepas Konstantin) mengarahkan penilaian harta dijalankan sebagai satu syarat untuk mengiktiraf perkahwinan. Mas kahwin yang semakin meningkat ditawarkan untuk anak-anak perempuan, dan kesannya, lelaki biasanya berkahwin lebih awal sementara perkahwinan anak-anak perempuan ditangguhkan melewati kebiasaannya²³. Di bawah undang-undang Kanon, seorang isteri berhak kepada pengembalian mas kahwinnya jika perkahwinan tersebut dibatalkan kecuali jika beliau didapati bersalah atas tuduhan berzina. Dalam kes ini, haknya untuk mendapatkan semula mas kahwin lupus dan harta tersebut kekal sebagai hak suaminya²⁴. Di bawah undang-undang Kanon dan sivil, wanita Kristian di Eropah dan Amerika hilang hak ke atas hartanya sehinggalah ke penghujung abad ke sembilan belas dan awal abad ke dua puluh. Sebagai contoh, hak-hak wanita di bawah undang-undang Inggeris hanya dikompil dan diterbitkan pada tahun 1632. 'Hak-hak' ini termasuk: '*Bahawa apa yang dimiliki suami adalah miliknya. Bahawa apa yang dimiliki isteri adalah milik suami*'²⁵. Seorang isteri tidak hanya hilang hartanya apabila berkahwin, beliau juga kehilangan personalitinya. Semua tindakannya tiada nilai di sisi undang-undang. Suaminya boleh membatalkan sebarang jualan yang dilakukan, dan hadiah yang diberikannya tiada nilai di sisi undang-undang. Orang yang membuat kontrak dengannya dianggap penjenayah yang bersubahat dalam penipuan. Selain daripada itu, beliau tidak boleh menyaman dan disaman atas namanya, juga tidak boleh menyaman suaminya²⁶. Seorang wanita yang telah berkahwin bagaikan anak-anak di mata undang-undang. Seorang isteri adalah milik suaminya, dan oleh itu, beliau kehilangan hartanya, personalitinya dan nama keluarganya²⁷.

Sejak abad ketujuh Masihi, Islam telah memberikan hak kepada wanita yang telah berkahwin yang dinafikan oleh Judaeo-Kristian Barat sehinggalah baru-baru ini. Dalam Islam, pengantin perempuan dan keluarganya tidak berkewajipan memberikan sebarang hadiah kepada pengantin lelaki. Di dalam keluarga Muslim, anak perempuan bukan suatu liabiliti. Seorang wanita mempunyai maruah yang begitu tinggi di dalam Islam dan tidak perlu memberikan hadiah untuk menarik bakal suami. Pengantin lelaki yang perlu memberikan hadiah perkahwinan kepada pengantin perempuan. Hadiah ini adalah milik pengantin perempuan; pengantin lelaki mahu pun keluarga pengantin perempuan tidak berhak ke atasnya. Di dalam

²¹ Epstein, op. cit., m.s. 164-165.

²² Ibid., m.s. 112-113. Juga lihat Priesand, op. cit., m.s. 15.

²³ James A. Brundage, "*Law, Sex, and Christian Society in Medieval Europe*" (Chicago: University of Chicago Press, 1987) m.s. 88.

²⁴ Ibid., m.s. 480.

²⁵ R. Thompson, "*Women in Stuart England and America*" (London: Routledge & Kegan Paul, 1974) m.s. 162.

²⁶ Mary Murray, "*The Law of the Father*" (London: Routledge, 1995) m.s. 67.

²⁷ Gage, op. cit., m.s. m.s. 143.

sesetengah masyarakat Muslim hari ini, hadiah perkahwinan bernilai ratusan ribu dollar dalam bentuk berlian bukannya perkara luar biasa²⁸. Pengantin perempuan tetap memiliki hadiah perkahwinannya mahu pun selepas perkahwinan. Suami tidak dibenarkan mengambil apa-apa daripada harta isterinya kecuali apa yang diberikannya dengan rela hati²⁹. Qur'an menerangkan hal ini dengan jelas:

"Berikanlah mas kahwin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambillah) pemberian itu yang sedap lagi baik akibatnya."

Al-Qur'an, An-Nisaa' (4):4

Harta dan pendapatan isteri adalah di bawah kawalannya sepenuhnya dan untuk kegunaannya sahaja memandangkan menyara isteri dan anak-anak adalah tanggungjawab suami³⁰. Tidak kira betapa kaya sekali pun seorang isteri, beliau tidak berkewajipan untuk bertindak membantu menyara keluarga kecuali beliau mahu melakukannya dengan rela hati. Suami isteri mewarisi harta satu sama lain. Tambahan lagi, seorang wanita Islam yang telah berkahwin mengekalkan kebebasannya dari segi undang-undang dan mengekalkan nama keluarganya³¹. Seorang hakim berbangsa Amerika pernah mengulas mengenai hak-hak wanita Islam: *"Seorang wanita Muslim mungkin berkahwin sepuluh kali, tetapi keperibadiannya tidak diserap oleh suami-suaminya. Beliau adalah planet solar dengan nama dan personaliti undang-undangnya sendiri."*³².

11. Perceraian

Ketiga-tiga agama mempunyai pandangan yang amat berbeza terhadap perceraian. Kristian melarang keras perceraian. Perjanjian Baru dengan tidak berbelah bagi menentang perceraian. Ini disandarkan kepada apa yang telah dikatakan oleh Jesus: *"Tetapi Aku berkata kepadamu: Setiap orang yang menceraikan isterinya kecuali kerana zina, dia menjadikan isterinya berzina; dan siapa yang kahwin dengan perempuan yang diceraikan, dia berbuat zina."* (Matius 5:32). Pandangan ideal yang tiada tolak-ansur ini sememangnya tidak praktikal. Ia mengandaikan wujud kesempurnaan akhlak yang tidak pernah dicapai oleh manusia. Apabila pasangan sedar bahawa perkahwinan mereka tidak dapat diselamatkan, menghalang perceraian tidak akan membawa sebarang manfaat. Memaksa pasangan yang tidak serasi untuk kekal bersama tanpa kerelaan mereka tidak berkesan dan tidak munasabah. Tidak hairanlah dunia Kristian telah terpaksa memperakui perceraian.

Sebaliknya, Judaisma membenarkan perceraian walaupun tanpa sebarang sebab. Perjanjian Lama memberikan suami hak untuk menceraikan isterinya walaupun beliau hanya tidak menyukai isterinya:

"Apabila seseorang mengambil seorang perempuan dan menjadi suaminya, dan jika kemudian dia tidak menyukai lagi perempuan itu, sebab didapatinya yang tidak senonoh padanya, lalu dia menulis surat cerai dan menyerahkannya ke tangan perempuan itu, sesudah itu menyuruh dia pergi dari rumahnya, dan jika perempuan itu keluar dari rumahnya dan pergi dari sana, lalu menjadi isteri orang lain, dan jika lelaki yang kemudian ini tidak cinta lagi kepadanya, lalu menulis surat cerai dan menyerahkannya ke tangan perempuan itu serta menyuruh dia pergi dari rumahnya, atau jika lelaki yang kemudian mengambil dia menjadi isterinya itu mati, maka

²⁸ Sebagai contoh, rujuk Jeffrey Lang, *"Struggling to Surrender"*, (Beltsville, MD: Amana Publications, 1994) m.s. 167.

²⁹ Elsayyed Sabiq, *"Fiqh al Sunnah"* (Kaherah: Darul Fatah lile'lam Al-Arabi, Edisi ke-11, 1994), Jilid 2, m.s. 218-229.

³⁰ Abdel-Haleem Abu Shuqqa, *"Tahreer al Mar'aa fi Asr al Risald"* (Kuwait: Dar al Qalam, 1990) m.s. 109-112.

³¹ Leila Badawi, 'Islam', dalam Jean Holm and John Bowker, ed., *"Women in Religion"* (London: Pinter Publishers, 1994) m.s. 102.

³² Amir H. Siddiqi, *"Studies in Islamic History"* (Karachi: Jamiyatul Falah Publications, Edisi ke-3, 1967) m.s. 138.

suaminya yang pertama, yang telah menyuruh dia pergi itu, tidak boleh mengambil dia kembali menjadi isterinya, setelah perempuan itu dicemari"

Ulangan 24:1-4

Ayat di atas telah membangkitkan perdebatan di kalangan sarjana-sarjana Yahudi kerana mereka bercanggah pendapat mengenai tafsiran perkataan "*tidak menyuka*", "*tidak senonoh*" dan "*tidak cinta*" yang disebut di dalam ayat-ayat di atas. Talmud merekodkan percanggahan pendapat mereka:

"Mazhab Shammai berpendapat bahawa seorang lelaki tidak boleh menceraikan isterinya melainkan beliau mendapatinya melakukan salah laku seksual manakala mazhab Hillel berpendapat beliau boleh menceraikannya meskipun beliau hanya merosakkan satu lauk untuknya. Rabai Akiba berpendapat bahawa beliau boleh menceraikannya hanya kerana beliau bertemu dengan seorang wanita yang lebih cantik daripadanya"

Gittin (90a-b)

Perjanjian Baru mengikut pendapat Shammai manakala undang-undang Yahudi mengikut pendapat Hillel dan Rabai Akiba³³. Oleh kerana pendapat Hillel diterima, maka undang-undang Yahudi yang dipatuhi memberikan suami kebebasan menceraikan isterinya tanpa sebarang sebab langsung. Perjanjian Lama tidak hanya memberikan suami hak menceraikan isterinya yang 'tidak disenangi', ia menganggap menceraikan 'isteri yang buruk' sebagai suatu tanggungjawab:

"Isteri yang buruk memalukan, pandangan yang direndahkan, dan hati yang luka. Lemahlah seorang lelaki yang isterinya tidak dapat membahagiakannya. Wanita adalah punca dosa dan melaluinyalah kita semua mati. Jangan biarkan tangki yang bocor dan biarkan isteri yang buruk berkata apa yang dia suka. Jika dia tidak menerima kawalanmu, ceraikan dia dan usir dia."

Pengkhotbah 25:25

Talmud merekodkan beberapa tindakan tertentu oleh isteri yang menyebabkan suami perlu menceraikan mereka:

"Jika dia makan di jalanan, jika dia minum dengan gelojoh di jalanan, jika dia menghisap di jalanan, dalam semua kes Rabai Meir berpendapat dia mesti meninggalkan suaminya."

(Git. 89a)

Talmud juga mewajibkan suami menceraikan isteri yang mandul (yang tidak melahirkan anak selepas sepuluh tahun):

"Rabai kita berpendapat: Jika seorang lelaki berkahwin dan tinggal dengannya selama sepuluh tahun dan dia tidak melahirkan anak, suami mesti menceraikannya."

(Yeb. 64a)

Sebaliknya, menurut undang-undang Yahudi seorang isteri tidak boleh mengemukakan permohonan perceraian, tetapi seorang isteri boleh memohon hak untuk bercerai di mahkamah Yahudi dengan syarat wujud syarat-syarat yang kukuh. Amat sedikit sebab-sebab yang membolehkan isteri memohon hak bercerai. Sebab-sebabnya adalah: suami cacat fizikal atau berpenyakit kulit, suami tidak memberi nafkah batin dsb. Mahkamah boleh menyokong permohonan perceraian oleh isteri tetapi tidak boleh membatalkan perkahwinan tersebut. Hanya suami boleh membatalkan perkahwinan tersebut dengan memberikan isterinya bil perceraian. Mahkamah boleh mendesak, mendenda, memenjarakan dan memulanya untuk memaksanya menyerahkan bil perceraian kepada isterinya. Namun jika si suami berdegil, beliau boleh

³³ Epstein, op. cit., m.s. 196.

enggan untuk menceraikan isterinya dan menggantungnya tidak bertali. Lebih buruk lagi, beliau boleh meninggalkannya tanpa menceraikannya, dan membiarkannya tidak berkahwin dan tidak bercerai. Beliau boleh mengahwini wanita lain atau bersekedudukan dengan wanita yang belum berkahwin di luar nikah dan mempunyai anak dengannya (anak-anak ini dianggap sah di bawah undang-undang Yahudi). Sebaliknya, isteri yang ditinggalkan ini tidak boleh berkahwin lagi kerana beliau masih terikat dengan perkahwinannya dan beliau tidak boleh tinggal dengan lelaki lain kerana beliau akan dianggap berzina dan anak-anak daripada hubungan ini akan dianggap tidak sah selama sepuluh generasi. Wanita dalam keadaan ini dipanggil *agunah* (wanita yang dirantai)³⁴. Di Amerika Syarikat hari ini, terdapat lebih kurang 1000 - 1500 wanita Yahudi *agunah* sementara di Israel bilangan setinggi 16,000. Suami boleh memeras ribuan dollar dari isteri yang terperangkap ini untuk menceraikannya³⁵.

Islam mengambil jalan tengah mengenai perceraian berbanding Kristian dan Judaisma. Di dalam Islam, perkahwinan adalah ikatan suci yang tidak harus dileraikan melainkan terdapat sebab-sebab yang kukuh. Pasangan diarahkan berusaha membaiki keadaan apabila perkahwinan mereka berada dalam keadaan genting. Perceraian tidak dibenarkan melainkan setelah tiada jalan keluar.

Ringkasnya, Islam membenarkan perceraian, tetapi tidak menggalakkannya.

Kita tumpukan kepada kebenaran bercerai dahulu. Islam mengiktiraf hak kedua-dua pasangan dalam hubungan perkahwinan. Islam memberikan hak talak (cerai) kepada suami. Selanjutnya, tidak seperti Judaisma, Islam memberikan isteri hak untuk membatalkan perkahwinan melalui apa yang dipanggil *khula'*³⁶. Jika suami membatalkan perkahwinan dengan menceraikan isterinya, beliau tidak boleh mengambil semula sebarang hadiah perkahwinan kepada isterinya. Qur'an dengan jelas menegah suami mengambil semula hadiah perkahwinan tidak kira betapa mahal atau bernilai hadiah tersebut:

"Dan jika kamu ingin mengganti isterimu dengan isteri lain sedang kamu telah memberikan kepada seseorang di antara mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil kembali daripadanya barang sedikit pun. Apakah kamu akan mengambilnya kembali dengan jalan tuduhan yang dusta dan dengan (menanggung) dosa yang nyata?"

Al-Qur'an, An-Nisaa' (4):20

Jika isteri memilih untuk menamatkan perkahwinannya, beliau boleh mengembalikan hadiah perkahwinannya kepada suaminya. Dalam kes ini, pengembalian hadiah perkahwinan adalah sebagai pampasan yang adil kepada suami yang mahu mengekalkan perkahwinan tersebut sementara isteri memilih untuk meninggalkannya.

"Tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu dari yang telah kamu berikan kepada mereka, kecuali kalau keduanya khawatir tidak akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah. Jika kamu khawatir bahawa keduanya (suami-isteri) tidak dapat menjalankan hukum-hukum Allah, maka tidak ada dosa atas keduanya tentang bayaran yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya. Itulah hukum-hukum Allah, maka janganlah kamu melanggarnya."

Al-Qur'an, Al-Baqarah (2):229

Seorang wanita pergi berjumpa Nabi Muhammad untuk membatalkan perkahwinannya. Beliau memberitahu Nabi bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa aduan mengenai peribadi atau kelakuan suaminya. Masalahnya adalah beliau benar-benar tidak menyukai suaminya sehingga beliau tidak dapat tinggal dengannya lagi. Nabi bertanya kepadanya: "*Mahukah kamu mengembalikan kebunnya (hadiah*

³⁴ Swidler, op. cit., m.s. 162-163.

³⁵ The Toronto Star, Apr. 8, 1995.

³⁶ Sabiq, op. cit., m.s. 318-329. Juga rujuk Muhammad al Ghazali, "*Qadaya al Mar'aa bin al Taqaleed al Rakida wal Wafidd*" (Kaherah: Dar al Shorooq, edisi ke-4, 1992) m.s. 178-180.

perkahwinan yang diberikan suaminya)?". Beliau menjawab: "Ya". Nabi kemudiannya mengarahkan lelaki tersebut untuk mengambil kembali kebunnya dan menerima pembatalan perkahwinan tersebut (diriwayatkan oleh Bukhari).

Dalam sesetengah kes, seorang isteri mungkin bersedia untuk mengekalkan rumah tangganya tetapi terpaksa menuntut perceraian kerana sebab-sebab yang kukuh seperti kekejaman suami, ditinggalkan tanpa sebab, suami tidak berupaya memberi nafkah batin dsb. Dalam kes-kes ini, mahkamah Islam boleh membatalkan perkahwinan tersebut³⁷.

Kesimpulannya, Islam memberikan wanita Islam hak yang sama: beliau boleh menamatkan perkahwinannya melalui khula' dan beliau boleh mengemukakan permohonan perceraian. Seorang isteri Muslim tidak terikat oleh suami yang tidak bertanggungjawab. Hak-hak inilah yang telah menarik wanita-wanita Yahudi yang hidup dalam masyarakat Islam awal pada abad ketujuh Masihi untuk mendapatkan bil perceraian daripada suami Yahudi mereka dari mahkamah-mahkamah Islam. Para rabai mengumumkan bahawa bil ini tidak sah. Untuk menghentikan amalan ini, Rabai memberikan hak-hak baru kepada wanita-wanita Yahudi untuk mengurangkan rayuan di mahkamah-mahkamah Islam. Wanita-wanita Yahudi yang tinggal di negara-negara Kristian tidak memperolehi hak-hak yang serupa kerana undang-undang perceraian Rom yang diamalkan tidaklah lebih menarik daripada undang-undang Yahudi³⁸.

Sekarang kita tumpukan pula perhatian kita kepada bagaimana Islam tidak menggalakkan perceraian. Nabi agama Islam berkata kepada golongan beriman:

"Di antara perkara-perkara yang dibenarkan, perceraian adalah yang paling dibenci Tuhan"

Diriwayatkan oleh Abu Daud

Seorang lelaki Muslim tidak boleh menceraikan isterinya hanya kerana dia tidak menyukainya. Qur'an mengarahkan lelaki Muslim melayan isteri mereka dengan baik walaupun perasaan mereka tidak begitu hangat atau terdapat rasa tidak suka:

"Dan bergaullah dengan mereka secara patut. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak."

Al-Qur'an, An-Nisaa' (4):19

Nabi Muhammad memberikan arahan yang serupa:

"Seorang lelaki yang beriman jangan membenci seorang wanita yang beriman. Jika dia tidak menyukai salah satu sikapnya, dia akan menyukai sikapnya yang lain."

Diriwayatkan oleh Muslim

Nabi juga menekankan bahawa Muslim yang terbaik adalah mereka yang paling baik layanannya terhadap isterinya:

"Orang yang paling sempurna imannya adalah mereka yang paling baik peribadinya, dan yang terbaik di kalangan yang terbaik ini adalah yang paling baik terhadap isterinya."

Diriwayatkan oleh Tirmidzi

Namun Islam adalah agama yang praktikal dan ia mengakui bahawa terdapat keadaan-keadaan di mana sesebuah perkahwinan hampir runtuh. Dalam kes-kes sedemikian, nasihat dan menahan diri bukan jalan

³⁷ Ibid., m.s. 313-318.

³⁸ David W. Amram, "The Jewish Law of Divorce According to Bible and Talmud" (Philadelphia: Edward Stern & CO., Inc., 1896) m.s. 125-126.

penyelesaian. Maka apakah yang perlu dilakukan untuk menyelamatkan perkahwinan tersebut? Qur'an menawarkan beberapa nasihat yang praktikal untuk suami/isteri yang pasangannya telah melakukan kesalahan. Bagi suami yang tingkah-laku buruk isterinya mengancam perkahwinan mereka, Qur'an memberikan empat nasihat seperti di bawah:

"Wanita-wanita yang kamu khawatiri nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah diri dari tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar. Dan jika kamu khawatir ada persengketaan antara keduanya, maka kirimlah seorang hakam dari keluarga lelaki dan seorang hakam dari keluarga perempuan. Jika kedua hakam itu bermaksud mengadakan perbaikan, nescaya Allah memberi taufik kepada suami isteri itu."

Al-Qur'an, An-Nisaa' (4):34-35

Tiga cara pertama perlu diusahakan dahulu. Jika gagal, maka bantuan keluarga diminta. Perhatikan bahawa merujuk kepada ayat-ayat di atas, memukul isteri yang engkar adalah langkah sementara dan adalah langkah ketiga yang diambil dengan harapan ia akan menyedarkan isteri akan kesalahannya. Jika langkah ini diambil, suami tidak dibenarkan terus menyusahkan isteri seperti yang dinyatakan dengan jelas di dalam ayat di atas. Jika cara ini tidak berkesan, suami tidak dibenarkan meneruskannya, dan jalan terakhir iaitu meminta bantuan keluarga perlu diambil untuk mendamaikan suami isteri.

Nabi Muhammad mengarahkan para suami bahawa mereka tidak harus mengambil langkah ini melainkan dalam kes-kes yang ekstrim seperti isteri berkelakuan tidak senonoh. Dalam kes seperti ini pun, hukumannya mestilah ringan dan jika isteri membantah, suami tidak dibenarkan menyakitinya:

"Dalam kes di mana mereka bersalah berkelakuan tidak senonoh secara terbuka, kamu boleh meninggalkan mereka dan mengenakan hukuman yang ringan. Jika mereka mematuhi, janganlah kamu menyusahkan mereka."

Diriwayatkan oleh Tirmidzi

Selanjutnya, Nabi mengutuk perbuatan memukul tanpa sebab. Beberapa orang isteri mengadu kepadanya bahawa suami mereka memukul mereka. Apabila mendengar hal ini, Nabi dengan tegas bersabda:

"Mereka yang berbuat demikian (memukul isteri) bukanlah yang terbaik di kalangan kamu."

Diriwayatkan oleh Abu Daud

Perlu juga diingat bahawa Nabi juga bersabda:

"Yang terbaik di kalangan kamu adalah yang terbaik terhadap keluarganya, dan aku adalah yang terbaik di kalangan kamu terhadap keluarganya."

Diriwayatkan oleh Tirmidzi

Nabi menasihatkan seorang wanita Islam bernama Fatimah binti Qais supaya tidak mengahwini seorang lelaki yang diketahui suka memukul wanita:

"Aku pergi kepada Nabi dan berkata: Abul Jahm dan Mu'awiah telah melamarku. Nabi (untuk menasihatinya) bersabda: Mu'awiah adalah seorang yang sangat miskin dan Abul Jahm suka memukul wanita."

Diriwayatkan oleh Muslim

Perlu disebutkan bahawa Talmud membenarkan isteri dipukul untuk mengajarnya dan mendisiplinkannya³⁹. Suami tidak dihadkan kepada perlakuan tidak senonoh isteri. Beliau dibenarkan

³⁹ Epstein, op. cit., m.s. 219.

memukul isterinya walaupun isterinya enggan melakukan kerja-kerja rumah. Tambahan lagi, beliau tidak dihadkan kepada hukuman yang ringan. Beliau dibenarkan mengajar kedegilan isterinya dengan menyebet atau menahan makanan daripadanya⁴⁰.

Bagi isteri yang tingkah-laku buruk suaminya menyebabkan rumah tangga mereka hampir runtuh, Qur'an menasihatkan:

"Dan jika seorang wanita khawatir akan nusyuz atau sikap tidak acuh dari suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian yang sebenar-benarnya, dan perdamaian itu lebih bagi (bagi mereka)"

Al-Qur'an, An-Nisaa' (4):128

Dalam kes ini, isteri dinasihatkan cuba berdamai dengan suaminya (dengan atau tanpa bantuan keluarga). Perhatikan bahawa Qur'an tidak menasihatkan isteri mengambil dua langkah memisahkan tempat tidur dan memukul. Sebabnya adalah untuk melindungi isteri daripada tindak balas ganas suami yang sememangnya engkar. Tindakan ganas ini hanya akan memburukkan lagi keadaan rumah tangga mereka. Beberapa sarjana Islam mencadangkan bahawa mahkamah boleh mengenakan tindakan ini ke atas suami bagi pihak isteri. Mula-mula mahkamah menasihatkan suami yang engkar, kemudian memisahkan tempat tidurnya dari isterinya, dan kemudian memukulnya⁴¹.

Sebagai kesimpulan, Islam menawarkan pasangan yang berkahwin nasihat-nasihat yang lebih baik untuk menyelamatkan perkahwinan mereka yang genting. Jika salah seorang pasangan merosakkan perkahwinan tersebut, yang seorang lagi dinasihatkan oleh Qur'an untuk melakukan apa yang perlu dan berkesan untuk menyelamatkan ikatan suci ini. Jika semua usaha gagal, Islam membenarkan pasangan tersebut berpisah dengan baik dan damai.

12. Ibu-ibu

Perjanjian Lama mengandungi banyak perintah-perintah supaya ibu bapa diberikan diberikan layanan yang baik dan bertimbang rasa, dan mengutuk mereka yang tidak menghormati ibu bapa. Contohnya, *"Apabila ada seseorang yang mengutuki ayahnya atau ibunya, pastilah dia dihukum mati; dia telah mengutuki ayahnya atau ibunya, maka darahnya tertimpa kepadanya sendiri."* (Lev. 20:9), dan, *"Anak yang bijak menggembirakan ayahnya, tetapi orang yang bebal menghina ibunya."* (Amsal 15:20). Walaupun tidak menghormati bapa disebut secara bersendirinya di beberapa tempat, contohnya *"Anak yang bijak mendengarkan didikan ayahnya"* (Amsal 13:1), ibu tidak pernah disebut secara bersendirinya. Selanjutnya, tiada penekanan khusus mengenai melayan ibu dengan baik sebagai tanda penghargaan di atas susah-payahnya melahirkan dan menyusukannya. Tambahan lagi, ibu-ibu tidak mewarisi langsung harta anak-anaknya sedangkan bapa-bapa mewarisi harta anak-anaknya⁴². Sukar untuk mengatakan bahawa Perjanjian Baru adalah kitab yang memerintahkan agar ibu dimuliakan. Sebaliknya, pembaca mendapat gambaran seolah-olah melayan ibu yang baik adalah penghalang kepada jalan Tuhan. Menurut Perjanjian Baru, seorang Kristian tidak layak menjadi hawari Kristus melainkan beliau membenci ibunya. Ini disandarkan kepada apa yang didakwa telah dikatakan oleh Jesus:

"Jikalau seorang datang kepadaku dan dia tidak membenci bapanya, ibunya, isterinya, anak-anaknya, saudara-saudaranya lelaki atau perempuan, bahkan nyawanya sendiri, dia tidak dapat menjadi muridku."

⁴⁰ Ibid, m.s. 156-157.

⁴¹ Muhammad Abu Zahra, *"Usbu al Fiqh al Islam"* (Kaherah: al Majlis al A'la li Ri'ayat al Funun, 1963) m.s. 66.

⁴² Epstein, op. cit., m.s. 122.

Selanjutnya, Perjanjian Baru memberi gambaran bahawa Jesus tidak endah, malah tidak menghormati ibunya sendiri. Contohnya, apabila ibunya pergi mencarinya ketika beliau sedang berkhotbah kepada orang ramai, beliau tidak peduli untuk keluar menemui ibunya:

"Lalu datanglah ibu dan saudara-saudara Jesus. Sementara mereka berdiri di luar, mereka menyuruh orang memanggilnya. Ada orang banyak duduk mengelilinginya, mereka berkata kepada-Nya: "Lihat, ibu dan saudara-saudara-Mu ada di luar, dan berusaha menemui engkau." Jawab Jesus kepada mereka: "Siapa ibuku dan siapa saudara-saudaraku?". Dia melihat kepada orang-orang yang duduk di sekelilingnya itu dan berkata: 'Ini ibuku dan saudara-saudaraku! Barangsiapa melakukan kehendak Allah, dialah saudaraku lelaki, dialah saudaraku perempuan, dialah ibuku."

Markus 3:31-35

Seseorang mungkin berhujah bahawa Jesus cuba menyampaikan kepada orang ramai ajaran yang penting, iaitu ikatan keagamaan tidak kurang pentingnya daripada ikatan kekeluargaan. Namun beliau boleh mengajarkan hal ini tanpa menunjukkan sikap tidak endah terhadap ibunya. Sikap tidak hormat ini juga ditunjukkan apabila beliau enggan menyetujui kenyataan salah seorang daripada orang ramai yang memberkati ibunya yang telah melahirkannya dan membesarkannya:

"Ketika Jesus masih berbicara, berserulah seorang perempuan dari antara orang banyak dan berkata kepadanya: "Berbahagialah ibu yang telah mengandung engkau dan susu yang telah menyusui engkau." Tetapi dia berkata: "Yang berbahagia ialah mereka yang mendengarkan firman Allah dan yang memeliharanya."

Lukas 11:27-28

Jika seorang ibu dengan kedudukan seperti Maryam dilayan dengan begitu biadab seperti yang diceritakan di dalam Perjanjian Baru, oleh seorang anak yang kedudukannya seperti Jesus Kristus, maka bagaimanakah seorang ibu Kristian biasa dilayan oleh seorang anak Kristian biasa?

Di dalam Islam, perhormatan, kemuliaan dan sanjungan yang diberikan kepada ibu tidak bandingan. Qur'an mengutamakan layanan yang baik kepada ibu bapa sebagai perkara kedua selepas menyembah Yang Maha Berkuasa:

"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: 'Wahai Tuhanku, kasihilah mereka berdua sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil."

Al-Qur'an, Al-Israa' (17):23-24

Di beberapa tempat, Qur'an memberikan penekanan khusus kepada peranan penting ibu yang melahirkan dan menyusukan anak:

"Dan kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu bapanya; ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyapihnya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepadaKu dan kepada dua orang ibu bapakmu, hanya kepadaKulah kembalimu."

Al-Qur'an, Luqman (31):14

Tempat ibu yang istimewa di dalam Islam dijelaskan oleh Nabi Muhammad:

"Seorang lelaki bertanya Nabi: 'Siapakah yang paling harus kuhormati?'. Nabi menjawab: 'Ibumu'. 'Dan siapa selepas itu?', tanya lelaki itu. Nabi menjawab: 'Ibumu'. 'Dan siapa selepas itu?', tanya lelaki itu lagi. Nabi menjawab: 'Ibumu'. 'Dan siapa selepas itu?', tanya lelaki itu. Nabi menjawab: 'Bapamu'."

Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim

Di antara ajaran-ajaran Islam yang dipatuhi sehingga ke hari ini adalah layanan yang baik untuk ibu. Penghormatan yang ibu-ibu Muslim terima dari anak-anak mereka boleh dijadikan teladan. Hubungan rapat di antara ibu dan anak-anak dan perasaan hormat yang mendalam anak-anak lelaki terhadap ibu mereka biasanya mengagumkan masyarakat Barat⁴³.

13. Harta Pusaka Perempuan

Salah satu perbezaan penting di antara Qur'an dan Bible adalah sikap terhadap pewarisan perempuan ke atas harta pusaka sanak-saudara yang telah meninggal dunia. Sikap Bible diterangkan secara padat oleh Rabai Epstein: *"Tradisi yang dipatuhi sejak zaman Biblika tidak memberikan hak pewarisan ke atas harta pusaka keluarga kepada ahli keluarga perempuan, iaitu isteri dan anak-anak perempuan. Dalam skim pewarisan yang lebih primitif, ahli keluarga perempuan dianggap sebagai sebahagian daripada pusaka dan tiada hak sebagai waris seperti mana seorang abdi. Walaupun undang-undang Musa membenarkan anak-anak perempuan mewarisi harta pusaka jika tiada waris lelaki, isteri tidak diiktiraf sebagai waris dalam keadaan ini"*⁴⁴. Mengapakah ahli keluarga perempuan dianggap sebagai sebahagian daripada harta pusaka keluarga. Jawapan yang diberikan oleh Rabai Epstein: *"Mereka dimiliki - sebelum perkahwinan oleh bapa mereka; selepas perkahwinan oleh suami mereka."*⁴⁵.

Undang-undang Biblika mengenai pewarisan harta pusaka dijelaskan dalam Bilangan 27:1-11. Isteri tidak diberikan bahagian daripada harta pusaka suami sedangkan suami adalah warisnya yang pertama mendahului anak-anak lelakinya. Anak perempuan menjadi waris hanya apabila tiada waris lelaki. Seorang ibu langsung tidak boleh mewarisi pusaka anaknya sedangkan bapa boleh. Jika ada anak-anak lelaki, maka balu dan anak-anak perempuan terpaksa bergantung kepada belas kasihannya. Inilah sebabnya golongan balu dan anak-anak perempuan yatim adalah di antara yang paling melarat di kalangan masyarakat Yahudi.

Kristian menuruti amalan ini untuk jangka masa yang lama. Kedua-dua undang-undang eklesiastikal dan sivil dalam dunia Kristian menghalang anak-anak perempuan daripada berkongsi harta pusaka ayah mereka dengan saudara-saudara lelaki mereka. Isteri-isteri juga dinafikan hak mewarisi harta pusaka. Undang-undang yang menindas ini dipatuhi sehinggalah penghujung abad lalu⁴⁶.

Di kalangan penyembah berhala Arab sebelum Islam, hak mewarisi harta terhad kepada waris lelaki sajaja. Qur'an menghapuskan adat-adat yang tidak adil ini dan memberikan hak kepada waris perempuan:

"Bagi lelaki ada hak bahagian daripada harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, dan bagi wanita ada hak bahagian (pula) daripada harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan."

Al-Qur'an, An-Nisaa' (4):7

Ibu-ibu, isteri-isteri, anak-anak perempuan dan saudara-saudara perempuan menerima hak mewarisi harta 1300 tahun sebelum Eropah mengiktiraf hak ini. Pembahagian harta pusaka adalah tajuk yang besar

⁴³ Armstrong, op. cit., m.s. 8.

⁴⁴ Epstein, op. cit., m.s. 175.

⁴⁵ Ibid., m.s. 121.

⁴⁶ Gage, op. cit., m.s. 142.

dengan amat banyak perincian (4:7, 11, 12, 176). Peraturan umumnya adalah bahagian waris perempuan adalah separuh daripada bahagian waris lelaki kecuali dalam kes-kes di mana ibu menerima bahagian yang sama banyak dengan bapa. Peraturan umum ini jika dilihat secara berasingan daripada peraturan-peraturan lain mengenai wanita dan lelaki kelihatan tidak adil. Untuk memahami sebab di sebalik peraturan ini, perlu diambil kira hakikat bahawa di dalam Islam tanggungjawab kewangan seorang lelaki lebih berat daripada wanita (Lihat bahagian "Harta Isteri"). Seorang pengantin lelaki mesti memberikan isterinya hadiah perkahwinan. Hadiah ini menjadi milik eksklusif isteri dan kekal sebagai miliknya walaupun mereka bercerai. Pengantin perempuan tidak perlu memberikan sebarang hadiah kepada pengantin lelaki. Selanjutnya, di dalam Islam suami bertanggungjawab menyara isteri dan anak-anak.

Sebaliknya, isteri tidak perlu membantu suami menyara keluarga. Harta dan pendapatan isteri adalah miliknya sendiri melainkan beliau suka rela mahu memberikannya kepada suami. Perlu juga difahami, Islam amat menggalakkan hidup berkeluarga. Ia amat menggalakkan perkahwinan, tidak menggalakkan perceraian dan tidak menganggap hidup membujang sebagai sesuatu yang baik. Oleh itu, dalam masyarakat Islam sejati, hidup berkeluarga adalah normanya dan hidup membujang adalah perkara yang jarang berlaku, iaitu semua lelaki dan wanita dalam lingkungan usia boleh berkahwin telah berkahwin. Berdasarkan fakta ini, boleh difahami bahawa lelaki Muslim mempunyai beban kewangan yang lebih besar daripada wanita Muslim, dan oleh itu, peraturan pewarisan ini bermaksud untuk mengimbangi hal ini supaya masyarakat bebas daripada perselisihan kelas dan jantina. Setelah perbandingan ringkas dibuat mengenai hak-hak kewangan dan tanggungjawab wanita Muslim, seorang wanita Muslim berbangsa British membuat kesimpulan bahawa Islam tidak hanya memberikan layanan yang adil kepada wanita, tetapi amat bermurah hati terhadap wanita⁴⁷.

14. Nasib Balu

Oleh kerana Perjanjian Lama tidak mengiktiraf hak seorang balu mewarisi harta, golongan ini adalah yang paling perlukan perlindungan dalam masyarakat Yahudi. Saudara-saudara lelaki yang mewarisi kesemua harta wanita tersebut sepatutnya menjaganya menggunakan harta yang diwarisi. Namun seorang balu tiada cara untuk memastikan ini dilakukan, dan terpaksa bergantung kepada belas kasihan mereka. Oleh itu, golongan balu adalah kelas terendah dalam masyarakat Israel purba dan menjadi seorang balu adalah simbol yang amat merendahkan status (Yesaya 54:4). Tetapi nasib seorang balu di dalam tradisi Biblikal melampaui pengecualiannya dalam mewarisi harta suaminya. Menurut Kejadian 38, seorang balu yang tidak mempunyai anak mesti mengahwini ipar lelakinya, walaupun beliau telah berkahwin, supaya beliau boleh menghasilkan keturunan untuk suaminya yang telah meninggal dunia, dan dengan itu memastikan bahawa nama suaminya tidak mati.

"Lalu berkatalah Yehuda kepada Onan: "Hampirilah isteri abangmu itu, kahwinlah dengannya sebagai ganti abangmu dan bangkitkanlah keturunan bagi abangmu."

Kejadian 38:8

Persetujuan balu tersebut untuk perkahwinan ini tidak diperlukan. Seorang balu dianggap sebagai sebahagian daripada harta pusaka suaminya yang mana fungsi utamanya adalah untuk memastikan kesejahteraan suaminya. Undang-undang Biblikal ini masih diamalkan hari ini di Israel⁴⁸. Di Israel, seorang balu yang tidak mempunyai anak diwariskan kepada saudara lelaki suaminya. Jika saudara lelaki tersebut terlalu muda untuk berkahwin, beliau perlu menunggu sehingga beliau baligh. Jika saudara lelaki suaminya enggan mengahwinkannya, maka beliau bebas untuk mengahwini mana-mana lelaki pilihannya. Adalah perkara biasa di Israel bagi seorang balu diperas ugut oleh ipar lelakinya untuk mendapatkan kebebasan mereka.

⁴⁷ B. Aisha Lemu and Fatima Heeren, "Woman in Islam" (London: Islamic Foundation, 1978) m.s. 23.

⁴⁸ Hazleton, op. cit., m.s. 45-46.

Golongan penyembah berhala Arab sebelum Islam mempunyai amalan yang hampir serupa. Seorang balu dianggap sebagai sebahagian daripada harta pusaka suaminya yang diwarisi oleh waris lelaki dan biasanya, dikahwinkan dengan anak lelaki sulung suaminya dengan wanita lain. Qur'an mengutuk dan menghapuskan amalan hina ini:

"Dan janganlah kamu kahwini wanita-wanita yang telah dikahwini oleh ayahmu, terkecuali pada masa yang telah lampau. Sesungguhnya perbuatan itu amat keji dan dibenci Allah dan seburuk-buruk jalan (yang ditempuh)."

Al-Qur'an, An-Nisaa' (4):22

Balu dan janda amat dipandang rendah di dalam tradisi Biblikal sehinggakan paderi tinggi tidak boleh mengahwini seorang balu, janda, atau pelacur:

"Dia harus mengambil seorang perempuan yang masih perawan. Seorang janda atau perempuan yang telah dicerai atau yang dirosak kesuciannya atau perempuan sundal, janganlah diambil melainkan harus seorang perawan dari antara orang-orang sebangsanyd"

Lev. 21:13-15

Di Israel hari ini, keturunan kasta Cohen (paderi tinggi pada zaman Rumah Tuhan) tidak boleh berkahwin dengan janda, balu atau pelacur⁴⁹. Menurut undang-undang Yahudi, seorang wanita yang menjadi balu tiga kali di mana ketiga-tiga suami meninggal dunia secara semulajadi dianggap 'sial' dan ditegah berkahwin lagi⁵⁰. Sebaliknya, Qur'an tidak mengiktiraf kasta atau orang yang sial. Balu dan janda bebas berkahwin dengan sesiapa saja yang disukainya. Tiada stigma bagi seorang balu dan janda di dalam Qur'an.

"Apabila kamu mentalak isteri-isterimu lalu merekabmendekati akhir iddahnya, maka rujukilah mereka dengan cara yang baik atau ceraikanlah mereka dengan cara yang abik. Janganlah kamu rujuk mereka untuk memberi kemudahan kerana dengan demikian kamu menganiayai mereka. Barangsiapa berbuat demikian, maka sungguh dia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri. Janganlah kamu jadikan hukum-hukum Allah permainan"

Al-Qur'an, Al-Baqarah (2):231

"Orang-orang yang meninggal dunia di antarmu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menangguhkan dirinya (beriddah) empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis iddahny, maka tiada dosa bagimu (para wali) membiarkan mereka berbuat terhadap diri mereka menurut yang patut. Allah mengetahui apa yang kamu perbuat."

Al-Qur'an, Al-Baqarah (2):234

"Dan orang yang meninggal dunia di antarmu dan meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isterinya, iaitu diberi nafkah hingga setahun lamanya dengan tidak disuruh pindah (dari rumahnya). Akan tetapi jika mereka pindah (sendiri), maka tiada dosa bagimu (wali atau waris daripada yang meninggal) membiarkan mereka berbuat yang baik terhadap diri mereka. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

Al-Qur'an, Al-Baqarah (2):240

15. Poligami

Sekarang kita akan bincangkan persoalan penting, iaitu poligami. Poligami adalah amalan purba yang ditemui dalam banyak masyarakat. Bible tidak mengutuk poligami. Sebaliknya, Perjanjian Lama dan

⁴⁹ Ibid., m.s. 47.

⁵⁰ Ibid., m.s. 49.

tulisan-tulisan Rabinik kerap kali mengesahkan poligami. Raja Sulaiman dikatakan mempunyai 700 orang isteri dan 300 orang gundik (2 Samuel 5:13). Perjanjian Lama mengandungi peraturan bagaimana harta diagihkan kepada anak-anak lelaki dari isteri-isteri yang berlainan (Ulangan 22:7). Satu-satunya had ke atas poligami adalah larangan mengahwini saudara perempuan isteri yang sedia ada. (Lev. 18:18). Talmud menasihati supaya bilangan isteri dihadkan kepada empat⁵¹. Kaum Yahudi di Eropah meneruskan amalan poligami sehinggalah ke abad keenam belas. Bangsa Yahudi di Timur mengamalkan poligami sehinggalah mereka tiba di Israel di mana ia ditegah oleh undang-undang sivil. Bagaimanapun, di bawah undang-undang agama yang mengatasi undang-undang sivil, ia dibenarkan⁵².

Bagaimana pula dengan Perjanjian Baru? Menurut Father Eugene Hillman di dalam bukunya, *"Polygamy Reconsidered"*, *"Tidak ditemui di mana-mana di dalam Perjanjian Baru tegahan yang jelas terhadap poligami"*⁵³. Selanjutnya, Jesus tidak pernah menentang poligami walaupun ia diamalkan oleh masyarakatnya. Father Hillman menekankan hakikat bahawa Gereja di Rom melarang poligami supaya selari dengan budaya Greco-Rom (yang membenarkan hanya seorang isteri tetapi membenarkan gundik dan pelacuran). Beliau memetik St. Augustine, *"Pada zaman kita, supaya selari dengan adat Rom, tidak dibenarkan lagi mengambil lebih daripada seorang isteri"*⁵⁴. Gereja-gereja Afrika kerap mengingatkan saudara-saudara mereka di Eropah bahawa larangan poligami oleh Gereja adalah budaya dan bukan peraturan Kristian yang sah.

Qur'an juga membenarkan poligami, tetapi bukannya tanpa had:

"Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yang yatim (bila mana kamu mengahwininya), maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi: dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang sahaja"

Al-Qur'an, An-Nisaa' (4):3

Tidak seperti Bible, Qur'an menghadkan bilangan isteri kepada empat dengan mengenakan syarat yang ketat bahawa semua isteri-isteri hendaklah diberikan layanan yang adil dan sama rata. Jangan pula salah faham bahawa Qur'an menggalakkan pengikut-pengikutnya mengamalkan poligami, atau bahawa poligami dianggap sebagai sesuatu yang adil. Dengan kata lain, Qur'an 'membenarkan' poligami, tetapi itu sahaja. Tetapi mengapa? Mengapa poligami dibenarkan? Jawapannya mudah: ada masa dan tempat di mana wujud sebab-sebab yang kukuh dari sudut moral dan sosial yang memerlukan poligami. Seperti yang dibayangkan oleh Qur'an, isu poligami di dalam Islam tidak boleh diambil secara berasingan daripada tanggungjawab masyarakat terhadap anak-anak yatim dan balu. Islam yang merupakan agama sejagat yang sesuai untuk semua tempat dan masa tidak boleh mengabaikan tanggungjawab ini.

Dalam kebanyakan masyarakat, bilangan perempuan melebihi lelaki. Di Amerika Syarikat, terdapat sekurang-kurangnya lapan juta wanita melebihi lelaki. Di negara seperti Guinea, terdapat 122 orang perempuan untuk setiap 100 orang lelaki. Di Tanzania, terdapat 95.1 lelaki bagi setiap 100 perempuan⁵⁵. Apa yang harus masyarakat lakukan terhadap ketidakseimbangan ini? Terdapat beberapa penyelesaian: ada yang mencadangkan hidup membujang, ada yang mencadangkan anak-anak perempuan dibunuh (yang sememangnya diamalkan dalam sesetengah masyarakat hari ini!). Ada juga yang berpendapat masyarakat perlu bertolak-ansur dengan pelacuran, hubungan luar nikah, homoseksual dan lain-lain. Bagi masyarakat-masyarakat lain pula, seperti kebanyakan masyarakat Afrika hari ini, jalan keluar yang bermaruah adalah

⁵¹ Swidler, op. cit., m.s. 144-148.

⁵² Hazleton, op. cit., m.s. 44-45.

⁵³ Eugene Hillman, *"Polygamy Reconsidered: African Plural Marriage and the Christian Churches"* (New York: Orbis Books, 1975) m.s. 140.

⁵⁴ Ibid., m.s. 17.

⁵⁵ Ibid., m.s. 88-93.

dengan menerima amalah poligami sebagai suatu institusi yang dihormati. Apa yang sering disalah faham oleh barat hari ini adalah wanita dalam budaya lain tidak semestinya menganggap poligami sebagai sesuatu yang merendahkan martabat wanita. Contohnya, ramai pengantin-pengantin perempuan di Afrika, sama ada Kristian atau Muslim, yang memilih untuk berkahwin dengan lelaki yang telah beristeri yang telah membuktikan bahawa beliau bertanggungjawab sebagai seorang suami. Ramai isteri-isteri di Afrika yang mendesak suami mereka untuk mengambil isteri kedua supaya mereka tidak kesunyian⁵⁶.

Tinjauan ke atas enam ribu wanita berumur di antara 15 - 59 tahun yang dijalankan di bandar kedua terbesar di Nigeria menunjukkan 60% daripada mereka gembira jika suami mereka berkahwin lagi. Hanya 23% tidak suka berkongsi dengan isteri lain. Dalam tinjauan yang dijalankan ke atas wanita di Kenya, 76% daripada mereka melihat poligami sebagai sesuatu yang positif. Tinjauan yang dijalankan di kawasan luar bandar Kenya menunjukkan 25 daripada 27 wanita menganggap poligami lebih baik daripada monogami. Wanita-wanita ini berpendapat poligami lebih membahagiakan dan lebih bermanfaat jika isteri-isteri bekerjasama⁵⁷. Poligami dalam kebanyakan masyarakat Afrika adalah institusi yang dihormati sehinggakan beberapa gereja Protestan telah bertolak-ansur terhadap amalan ini.

Seorang biskop Gereja England di Kenya mengumumkan bahawa, "*Walaupun monogami mungkin adalah pernyataan rasa cinta yang ideal di antara suami isteri, gereja harus mempertimbangkan bahawa di dalam sesetengah budaya, poligami adalah amalan yang diterima dan bahawa kepercayaan yang poligami adalah bertentangan dengan Krsitain tidak lagi dapat dipertahankan.*"⁵⁸. Setelah menjalankan kajian yang teliti mengenai amalan poligami di Afrika, Reverend David Gitari dari Gereja England membuat kesimpulan bahawa poligami, jika diamalkan dengan ideal, adalah lebih Kristian daripada perceraian dan perkahwinan semula apabila dipertimbangkan isteri-isteri dan anak-anak yang ditinggalkan⁵⁹. Saya sendiri mengenali secara peribadi beberapa orang isteri berbangsa Afrika yang berpendidikan tinggi yang walaupun telah tinggal dalam masyarakat Barat selama beberapa tahun, tidak membantah poligami. Salah seorang daripada mereka yang tinggal di Amerika mendesak suaminya berkahwin lagi supaya isteri kedua dapat membantunya membesarkan anak-anak.

Masalah ketidakseimbangan bilangan lelaki dan perempuan meruncing pada masa peperangan. Suku asli India Amerika mengalami masalah ini selepas peperangan. Wanita-wanita yang berstatus tinggi dalam suku-suku ini menerima poligami sebagai perlindungan terbaik daripada kegiatan-kegiatan tidak berakhlak. Penghijrah-penghijrah Eropah yang tidak memberikan pilihan lain, mengutuk amalan ini sebagai 'tidak bertamadun'⁶⁰. Selepas perang dunia kedua, bilangan wanita di Jerman melebihi 7,300,00 lelaki (3.3 juta daripada mereka adalah balu). Terdapat 100 lelaki berusia di antara 30 - 30 tahun bagi setiap 167 wanita dalam kumpulan umur yang sama⁶¹. Ramai di kalangan wanita ini perlukan seorang lelaki bukan sahaja sebagai teman tetapi juga sebagai penyara keluarga pada masa kesusahan. Askar-askar bersekutu yang menang mengambil kesempatan daripada keadaan wanita-wanita ini. Ramai askar-askar Amerika dan British membayar khidmat ini dengan rokok, coklat dan roti. Ramai gadis-gadis dan balu-balu muda yang mempunyai hubungan dengan askar-askar yang menduduki negara mereka. Anak-anak amat gembira dengan hadiah yang dibawa oleh orang asing ini. Seorang budak lelaki berusia 10 tahun yang mendapat tahu mengenai hadiah-hadiah ini daripada anak-anak lain berharap dengan sepenuh hati agar ada 'lelaki Inggeris' untuk ibunya supaya ibunya tidak lagi kelaparan⁶². Sekarang kita perlu bertanya hati kita: Apakah yang lebih bermaruah

⁵⁶ Ibid., m.s. 92-97.

⁵⁷ Philip L. Kilbride, "*Plural Marriage For Our Times*" (Westport, Conn.: Bergin & Garvey, 1994) m.s. 108-109.

⁵⁸ The "*Weekly Review*", Aug. 1, 1987.

⁵⁹ Kilbride, op. cit., m.s. 126.

⁶⁰ John D'Emilio and Estelle B. Freedman, "*Intimate Matters: A history of Sexuality in America*" (New York: Harper & Row Publishers, 1988) m.s. 87.

⁶¹ Ute Frevert, "*Women in German History: from Bourgeois Emancipation to Sexual Liberation*" (New York: Berg Publishers, 1988) m.s. 263-264.

⁶² Ibid., m.s. 257-258.

untuk seorang wanita? Menerima pendekatan dan penghormatan yang diterima oleh isteri kedua suku asli India seperti di atas, atau menerima pendekatan 'bertamadun' Amerika dengan melacurkan diri? Dengan kata lain, yang manakah yang lebih bermaruh bagi seorang wanita, apa yang dibenarkan oleh Qur'an atau teologi yang berasaskan budaya Empayar Rom?

Menarik untuk diperhatikan bahawa dalam persidangan belia antarabangsa yang diadakan di Munich pada tahun 1948, masalah ketidakseimbangan jantina di Jerman dibincangkan. Apabila jelas bahawa tiada jalan penyelesaian yang dipersetujui, beberapa orang peserta mencadangkan poligami. Reaksi awal daripada perhimpunan tersebut bercampur-baur di antara rasa terkejut dan jijik. Namun setelah mengkaji cadangan tersebut dengan teliti, para peserta bersetuju bahawa itu adalah satu-satunya penyelesaian yang ada. Akhirnya, poligami dimasukkan sebagai salah satu usul persidangan tersebut⁶³.

Dalam dunia yang memiliki amat banyak senjata pemusnah berbanding dahulu, lambat laun gereja-gereja Eropah mungkin akan terpaksa menerima poligami sebagai satu-satunya jalan keluar. Father Hillman dengan bijak telah mengiktiraf hakikat ini, "*Adalah mungkin bahawa teknik pembunuhan beramai-ramai ini (senjata nuklear, biologi, kimia..) akan mengakibatkan ketidakseimbangan yang drastik terhadap nisbah lelaki dan perempuan yang akan menyebabkan poligami menjadi sesuatu yang perlu untuk survival .. Maka bertentangan dengan adat dan undang-undang sebelum ini, kecenderungan semulajadi dan moral mungkin akan menerima poligami. Dalam keadaan ini, ahli-ahli teologi dan pemimpin-pemimpin gereja dengan pantas akan menunjukkan sebab-sebab dan teks-teks biblikal untuk menjustifikasi konsep baru perkahwinan.*"⁶⁴.

Pada hari ini, poligami terus menjadi penyelesaian yang sesuai untuk beberapa penyakit sosial dalam masyarakat moden. Tanggungjawab komunal yang disebut dalam Qur'an berhubung dengan kebenaran poligami lebih ketara dalam masyarakat Barat daripada dalam masyarakat Afrika. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat hari ini, terdapat krisis jantina yang amat genting di kalangan masyarakat kulit hitam. Seorang daripada setiap dua puluh remaja kulit hitam mungkin meniggal dunia sebelum mencecah usia 21 tahun. Bagi mereka dalam lingkungan usia 20 - 35 tahun, bunuh diri adalah sebab kematian yang utama⁶⁵. Tambahan pula, ramai pemuda kulit hitam yang menganggur, dipenjarakan atau ketagihan dadah⁶⁶. Kesannya, seorang daripada setiap empat orang wanita kulit hitam mencecah umur 40 tahun dan tidak pernah berkahwin berbanding dengan seorang dalam setiap sepuluh wanita kulit putih⁶⁷. Selanjutnya, ramai gadis kulit hitam menjadi ibu tunggal sebelum mencecah usia 20 tahun dan mendapati mereka perlukan seseorang untuk menyara mereka. Kesan akhir keadaan yang tragik ini adalah semakin ramai wanita kulit hitam yang terlibat dalam apa yang dipanggil 'perkongsian lelaki'⁶⁸. Dengan kata lain, ramai wanita-wanita ini terlibat dalam hubungan sulit dengan lelaki yang telah beekrahwin. Biasanya, isteri-isteri mereka tidak sedar bahawa mereka 'berkongsi' suami. Beberapa pemerhati krisis perkongsian lelaki dalam masyarakat Amerika Afrika ini amat menganjurkan poligami konsensual sebagai penyelesaian sementara kepada kekurangan lelaki kulit hitam sehingga reformasi yang lebih menyeluruh ke atas masyarakat Amerika dapat dijalankan⁶⁹. Poligami konsensual bermakna poligami yang diterima oleh masyarakat dan dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat berbanding hubungan sulit yang mempunyai kesan yang tidak diingini terhadap isteri dan juga masyarakat. Masalah perkongsian lelaki dalam masyarakat Amerika Afrika menjadi tajuk perbincangan panel yang diadakan di Temple University di Philadelphia pada 27hb. Januari, 1993⁷⁰. Beberapa penceramah mengajurkan poligami sebagai salah satu penyelesaian yang berpotensi bagi krisis tersebut. Mereka juga mencadangkan supaya poligami tidak diharamkan oleh undang-undang, terutamanya

⁶³ Sabiq, op. cit., m.s. 191.

⁶⁴ Hillman, op. cit., m.s. 12.

⁶⁵ Nathan Hare and Julie Hare, ed., "*Crisis in Black Sexual Politics*" (San Francisco: Black Think Tank, 1989) m.s. 25.

⁶⁶ Ibid., m.s. 26.

⁶⁷ Ibid., m.s. 26.

⁶⁸ Ibid., m.s. 95.

⁶⁹ Ibid.

⁷⁰ Ibid., m.s. 95-99.

dalam masyarakat yang dapat bertolak-ansur dengan kewujudan pelacur dan perempuan simpanan. Ulasan dari salah seorang peserta wanita adalah bahawa masyarakat Amerika Afrika perlu belajar daripada Afrika di mana poligami diamalkan secara bertanggungjawab menerima tepukan gemuruh.

Philip Kilbride, seorang ahli antropologi Amerika dari keluarga Roman Katolik, dalam bukunya yang provokatif, iaitu "*Plural Marriage for Our Time*", mencadangkan poligami sebagai penyelesaian kepada penyakit sosial yang berleluasa dalam masyarakat Amerika. Beliau berhujah bahawa perkahwinan majmuk mungkin boleh menjadi alternatif kepada perceraian untuk mengelakkan kesan buruk perceraian ke atas anak-anak. Beliau mempertahankan bahawa banyak perceraian disebabkan oleh hubungan sulit yang berleluasa dalam masyarakat Amerika. Menurut Kilbride, mengakhiri hubungan sulit dengan perkahwinan poligami berbanding perceraian adalah lebih baik untuk anak-anak, "*Anak-anak lebih mendapat manfaat daripada pertambahan kepada keluarga daripada perpisahan dan pembatalan yang kini menjadi pilihan*". Selanjutnya, beliau mencadangkan bahawa kumpulan-kumpulan lain yang mendapat manfaat daripada perkahwinan majmuk adalah wanita-wanita yang lebih berumur yang menghadapi masalah kekurangan lelaki yang kronik dan masyarakat Amerika Afrika yang terlibat dalam perkongisan lelaki⁷¹.

Pada tahun 1987, tinjauan yang dijalankan oleh akhbar pelajar di University of California di Berkeley bertanya sama ada pelajar bersetuju bahawa undang-undang harus membenarkan lelaki beristeri lebih daripada satu untuk mengatasi kekurangan lelaki di California. Hampir semua pelajar-pelajar yang ditinjau bersetuju dengan idea ini. Malah seorang pelajar wanita berkata bahawa perkahwinan poligami dapat memenuhi keperluan emosi dan fizikalnya dan memberikannya lebih banyak kebebasan berbanding dengan perkahwinan monogami⁷². Sesungguhnya, inilah hujah yang sama yang digunakan oleh wanita-wanita fundamentalis Mormon yang masih mengamalkan poligami di Amerika Syarikat. Mereka percaya bahawa poligami adalah cara yang ideal bagi wanita untuk mempunyai kerjaya dan anak-anak kerana isteri-isteri lain boleh saling membantu untuk menjaga anak-anak⁷³.

Perlu ditambah bahawa di dalam Islam, poligami adalah perkara yang dipersetujui bersama. Tiada sesiapa yang boleh memaksa seorang wanita mengahwini lelaki yang telah berkahwin. Tambahan lagi, seorang isteri berhak mensyaratkan suaminya tidak boleh mengambil isteri kedua⁷⁴. Sebaliknya, Bible mengenakan poligami secara paksa. Seorang balu yang tiada anak mesti mengahwini ipar lelakinya walaupun iparnya telah berkahwin (lihat bahagian Nasib Balu), sama ada beliau setuju atau tidak (Kejadian 38:8-10).

Perhatikan bahawa dalam banyak masyarakat Muslim hari ini, amalan poligami jarang sekali berlaku kerana jurang di antara bilangan lelaki dan wanita tidak besar. Seseorang boleh berkata bahawa kadar perkahwinan poligami di dalam dunia Islam adalah jauh lebih rendah daripada kadar hubungan sulit di Barat. Dengan kata lain, lelaki dalam Islam hari ini lebih mengamalkan monogami berbanding lelaki di dunia Barat.

Billy Graham, seorang mubaligh Kristian telah mengiktiraf hakikat ini: "*Kristian tidak boleh bertolak-ansur dalam soal poligami. Jika Kristian pada hari ini tidak dapat berbuat demikian, maka ini menjejaskannya. Islam telah membenarkan poligami sebagai penyelesaian kepada masalah sosial dan telah memberikan sedikit kelonggaran kepada sifat manusia, tetapi dalam lingkungan rangka kerja undang-undang yang ketat. Negara-negara Kristian berbangga dengan amalan monogami, tetapi mereka sebenarnya mengamalkan poligami. Tiada sesiapa yang tidak sedar akan peranan perempuan simpanan dalam masyarakat Barat. Dalam hal ini, Islam adalah agama yang jujur, dan membenarkan seseorang mengambil isteri kedua jika perlu, tetapi melarang keras sebarang pertemuan-pertemuan sulit untuk menjaga akhlak masyarakatnya*"⁷⁵.

⁷¹ Ibid., m.s. 118.

⁷² Lang, op. cit., m.s. 172.

⁷³ Kilbride, op. cit., m.s. 72-73.

⁷⁴ Sabiq, op. cit., m.s. 187-188.

⁷⁵ Abdul Rahman Doi, "*Woman in Shari'ah*" (London: Ta-Ha Publishers, 1994) m.s. 76.

Menarik untuk diperhatikan bahawa hari ini banyak negara-negara Islam dan bukan Islam yang telah mengharamkan poligami. Mengambil isteri kedua, walaupun dengan kerelaan isteri pertama adalah melanggar undang-undang. Sebaliknya, membohongi isteri tanpa pengetahuan dan persetujuannya adalah sah di sisi undang-undang! Apakah kebijaksanaan di sebalik undang-undang yang bercanggah ini? Adakah undang-undang digubal untuk menggalakkan penipuan dan menghukum kejujuran? Ini adalah salah satu paradoks yang tidak dapat difahami dalam dunia kita yang moden dan 'bertamadun'.

16. Hijab

Akhir sekali, mari kita kaji apa yang dianggap oleh Barat sebagai simbol terbesar penindasan dan perhambaan wanita, iaitu hijab atau tudung kepala. Benarkan hijab tidak wujud dalam tradisi Judaeo-Kristian? Menurut Rabai Dr. Menachem M. Brayer (Profesor Kesusasteraan Biblikal di Universiti Yeshiva) di dalam bukunya "*The Jewish Women in Rabbinic Literature*", memang menjadi adat wanita Yahudi keluar ke tempat-tempat awam dengan kepalanya ditutupi, dan kadang-kala menutupi seluruh muka dan hanya satu mata kelihatan⁷⁶. Beliau memetik pepatah purba Rabai, "*Tidak layak wanita-wanita Israel keluar tanpa kepalanya ditudung*", dan, "*Terkutuklah lelaki yang membiarkan rambut isterinya dilihat... wanita yang mendedahkan rambutnya sebagai perhiasan membawa kepapaar*". Undang-undang Rabai melarang doa dibaca jika terdapat wanita yang telah berkahwin yang tidak menutup kepalanya kerana rambut yang terdedah dianggap "*bogel*"⁷⁷. Dr. Brayer juga menyebut bahawa, "*Semasa zaman Tannaitik, wanita Yahudi yang tidak menudung kepalanya dianggap menghina kesuciannya. Jika kepalanya tidak ditudung, dia boleh didenda empat ratus zuzim atas kesalahan ini.*". Dr. Brayer juga menjelaskan bahawa tudung wanita Yahudi tidak hanya dianggap sebagai lambang kesopanan. Kadang-kala ia melambangkan maruah dan martabat wanita bangsawan. Ia lambang seorang wanita yang tidak boleh disentuh kerana ia adalah milik suci suaminya⁷⁸.

Tudung kepala melambangkan maruah dan kedudukan sosial seorang wanita. Wanita-wanita dari kelas yang rendah memakai tudung kepala untuk memberikan gambaran bahawa mereka berdarjat tinggi. Hakikat bahawa tudung kepala adalah lambang kebangsawanan adalah sebab mengapa pelacur tidak dibenarkan menutupi rambut mereka dalam masyarakat Yahudi lama. Namun pelacur-pelacur memakai selendang khas untuk kelihatan lebih terhormat⁷⁹. Wanita Yahudi di Eropah terus memakai tudung kepala sehinggalah pada abad kesembilan belas bila mana kehidupan mereka lebih bercampur dengan persekitaran budaya sekular. Tekanan luaran cara hidup masyarakat Eropah pada abad kesembilan belas telah memaksa mereka keluar dari rumah tanpa menutupi kepala. Segolongan wanita Yahudi mendapati lebih mudah menggantikan tudung kepala dengan rambut palsu sebagai cara lain untuk menutupi rambut mereka⁸⁰. Segolongan daripada mereka, seperti mazhab Hasidik, masih menggunakan rambut palsu⁸¹.

Bagaimana pula dengan tradisi Kristian? Memang diketahui bahawa rahib-rahib Katolik telah menutupi kepala mereka selama ratusan tahun, tetapi bukan itu sahaja. Di dalam Perjanjian Baru, St. Paul telah mengeluarkan kenyataan yang menarik mengenai tudung.

"Tetapi aku mahu supaya kamu mengetahui hal ini, iaitu kepala dari tiap-tiap lelaki ialah Kristus, kepala dari perempuan ialah lelaki dan kepala dari Kristus ialah Allah. Tiap-tiap lelaki yang berdoa atau bernubuat dengan kepala yang bertudung, menghina kepalanya. Tetapi tiap-tiap perempuan yang berdoa atau bernubuat dengan kepala yang tidak bertudung, menghina

⁷⁶ Menachem M. Brayer, "*The Jewish Woman in Rabbinic Literature: A Psychosocial Perspective*" (Hoboken, N.J.: Ktav Publishing House, 1986) m.s. 239.

⁷⁷ Ibid., m.s. 316-317. Also see Swidler, op. cit., m.s. 121-123.

⁷⁸ Ibid., m.s. 139.

⁷⁹ Susan W. Schneider, "*Jewish and Female*" (New York: Simon & Schuster, 1984) m.s. 237.

⁸⁰ Ibid., m.s. 238-239.

⁸¹ Alexandra Wright, "*Judaism*", in Holm and Bowker, ed., op. cit., m.s. 128-129

kepalanya, sebab dia sama dengan perempuan yang dicukur rambutnya. Sebab jika perempuan tidak mahu menudungi kepalanya, maka haruslah dia juga menggunting rambutnya. Tetapi jika bagi perempuan adalah penghinaan, bahawa rambutnya digunting atau dicukur, maka haruslah dia menudungi kepalanya. Sebab lelaki tidak perlu menudungi kepalanya: dia menyinarkan gambaran dan kemuliaan Allah. Tetapi perempuan menyinarkan kemuliaan lelaki. Sebab lelaki tidak berasal dari perempuan, tetapi perempuan berasal dari lelaki. Dan lelaki tidak diciptakan kerana perempuan, tetapi perempuan diciptakan kerana lelaki."

1 Korintus 11:3-10

Sebab St. Paul mahukan wanita bertudung adalah kerana tudung melambangkan autoriti kaum lelaki yang merupakan gambaran dan kemuliaan Tuhan mengatasi wanita yang diciptakan daripada dan untuk lelaki. St. Tertulian di dalam karyanya yang terkenal, "*On the Veiling of Virgins*", menulis, "*Wahai gadis-gadis, kamu memakai tudungmu di jalanan, maka pakailah tudungmu bila berada di dalam gereja, dan pakailah apabila kamu berada di kalangan orang asing; dan pakailah ketika kamu bersama saudara lakimu...*". Di dalam undang-undang Kanon gereja Katolik hari ini, terdapat undang-undang yang mengarahkan wanita menudung kepada mereka di dalam gereja⁸². Beberapa mazhab Kristian, seperti Amish dan Mennonit, mengarahkan wanita-wanitanya menudung kepala sehinggalah ke hari ini. Sebab untuk tudung kepala tersebut, seperti yang dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin Gereja mereka ialah, "*Menudung kepada adalah simbol penyerahan wanita kepada kaum lelaki dan kepada Tuhan*", yang merupakan logik yang sama yang diperkenalkan oleh St. Paul di dalam Perjanjian Baru⁸³.

Daripada bukti-bukti di atas, jelas bahawa Islam tidak mereka tudung kepala. Bagimanapun, Islam menyokongnya. Qur'an menggesa lelaki dan wanita untuk menundukkan pandangan mereka, menjaga kehormatan mereka dan menggesa wanita beriman untuk melabuhkan tudung kepada mereka untuk menutupi leher dan dada:

"Katakanlah kepada orang lelaki beriman: 'Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya...' Katakanlah kepada wanita yang beriman: 'Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya...'"

Al-Qur'an, An-Nuur (24): 30,31

Qur'an amat jelas mengenai hijab sebagai sesuatu yang perlu untuk menjaga kehormatan, tetapi mengapakah kehormatan penting? Qur'an menjelaskan:

"Hai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: 'Hendaklah mereka menghulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka'. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah dikenali, kerana itu mereka tidak diganggu."

Al-Qur'an, Al-Ahzab (33):59

Hal ini mudah, menjaga kehormatan diarahkan untuk melindungi wanita daripada dicabul kehormatannya atau secara mudahnya, menjaga kehormatan adalah suatu bentuk perlindungan.

Maka di dalam Islam, hijab adalah sebagai perlindungan. Hijab di dalam Islam tidak seperti hijab di dalam tradisi Kristian; ia bukan lambang kekuasaan lelaki ke atas wanita dan ia bukan lambang penghambaan wanita kepada lelaki. Hijab di dalam Islam tidak seperti hijab di dalam tradisi Yahudi; ia bukan lambang kemewahan dan bukan untuk membezakan wanita bangsawan yang telah berkahwin. Hijab di dalam Islam

⁸² Clara M. Henning, "*Cannon Law and the Battle of the Sexes*" dalam Rosemary R. Ruether, ed., "*Religion and Sexism: Images of Woman in the Jewish and Christian Traditions*" (New York: Simon and Schuster, 1974) m.s. 272.

⁸³ Donald B. Kraybill, "*The riddle of the Amish Culture*" (Baltimore: Johns Hopkins University Press, 1989) m.s. 56.

adalah lambang kehormatan yang bertujuan untuk melindungi wanita, semua wanita. Falsafah Islam adalah lebih baik berjaga-jaga sebelum terkena. Sesungguhnya, Qur'an amat memberatkan persoalan melindungi tubuh wanita dan nama baik seorang wanita sehinggakan mana-mana lelaki yang berani melemparkan tuduhan palsu mengenai kesucian seorang wanita dihukum dengan berat:

"Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang menuduh itu) lapan puluh kali dera, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat sleama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik."

Al-Qur'an, An-Nuur (24):4

Bandingkan sikap Qur'an yang tegas ini dengan hukuman ringan terhadap perkosaan di dalam Bible:

"Apabila seseorang bertemu dengan seorang gadis, yang masih perawan dan belum bertunangan, memaksa gadis itu tidur dengannya, dan keduanya kedapatan-- maka haruslah laki-laki yang sudah tidur dengan gadis itu memberikan lima puluh syikal perak kepada ayah gadis itu, dan gadis itu haruslah menjadi isterinya, sebab laki-laki itu telah memperkosa dia; selama hidupnya tidak boleh laki-laki itu menyuruh dia pergi."

Kejadian 22:28-30

Kita perlu pertanya satu soalan yang mudah, siapakah yang sebenarnya dihukum? Lelaki yang hanya perlu membayar denda setelah memperkosa seorang gadis, atau gadis yang terpaksa mengahwini lelaki yang memperkosanya dan hidup dengannya sehingga dia meninggal dunia? Satu lagi soalan yang perlu ditanya adalah: Yang manakah lebih melindungi wanita: sikap Qur'an yang tegas atau sikap ambil mudah Bible?

Sesetengah golongan, terutamanya di Barat, berkecenderungan untuk memperkecilkan hujah menjaga kehormatan sebagai suatu bentuk perlindungan. Hujah mereka adalah perlindungan terbaik adalah melalui pendidikan, kelakuan yang beradab, dan kawalan diri. Kita boleh berkata: ya, betul juga. Tetapi jika 'beradab' sudah memadai sebagai perlindungan, maka mengapakah wanita-wanita di Amerika Utara tidak berani berjalan seorang diri di jalan-jalan yang gelap; malah tidak berani menyeberang tempat letak kereta yang kosong? Jika pendidikan adalah penyelesaiannya, maka mengapakah universiti yang disegani seperti Queen's mempunyai 'perkhidmatan berjalan pulang' di kampus terutamanya untuk pelajar-pelajar wanita? Jika kawalan diri adalah jawapannya, maka mengapakah kes-kes gangguan seksual di tempat kerja dilaporkan di dalam berita setiap hari? Contoh mereka yang dituduh atas kesalahan gangguan seksual dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini termasuk: pegawai tentera laut, pengurus-pengurus, profesor di universiti, senator, hakim mahkamah tinggi dan presiden Amerika Syarikat! Saya merasa tidak percaya apabila saya membaca statistik berikut yang ditulis di dalam pamflet yang diterbitkan oleh pejabat Dekan Wanita di Queen's University:

- Di Kanada, seorang wanita mengalami serangan seksual setiap 6 minit;
- 1 daripada 3 wanita Kanada mengalami serangan seksual sepanjang hayat mereka;
- 1 daripada 4 wanita menghadapi risiko perkosaan atau cubaan perkosaan sepanjang hayat mereka;
- 1 daripada 8 wanita mengalami serangan seksual semasa belajar di kolej atau universiti; dan
- Kajian mendapati bahawa 60% daripada lelaki Kanada dalam usia pelajar universiti mengatakan yang mereka akan melakukan serangan seksual jika mereka yakin mereka tidak akan tertangkap.

Ada sesuatu yang asas yang tidak kena dalam masyarakat kita. Perubahan yang radikal ke atas cara hidup dan budaya masyarakat amat diperlukan. Budaya menjaga kehormatan amat diperlukan, berpakaian sopan, bercakap dengan sopan dan berkelakuan baik bagi wanita dan lelaki. Jika tidak, statistik yang suram ini akan bertambah buruk lagi hari demi hari, dan malangnya, wanita yang akan mengganggu akibatnya.

Sesungguhnya, kita semua menanggung akibatnya, tetapi seperti yang dikatakan oleh K. Gibran, "... orang yang menerima pukulan tidak sama seperti orang yang mengirannya."⁸⁴. Oleh yang demikian, masyarakat seperti masyarakat Perancis yang membuang sekolah gadis-gadis muda dari sekolah kerana mereka berpakaian sopan, akhirnya hanya akan memudaratkan diri mereka sendiri.

Salah satu ironi terbesar dalam dunia kita hari ini adalah selendang yang sama yang dipandang tinggi sebagai lambang 'kesucian' apabila dipakai oleh rahib-rahib Katolik untuk tujuan menunjukkan kekuasaan lelaki dihina sebagai 'penindasan' apabila dipakai untuk tujuan perlindungan oleh wanita-wanita Muslim.

17. Epilog

Satu soalan yang ditanyakan oleh semua pembaca bukan Muslim yang telah membaca versi awal kajian ini adalah: adakah wanita Muslim dalam dunia Islam hari ini menerima layanan yang baik yang telah diterangkan di atas? Malangnya, jawapannya adalah tidak. Memandangkan soalan ini tidak dapat dielakkan apabila membincangkan status wanita dalam Islam, kita perlu menghuraikan jawapannya supaya pembaca mendapat gambaran yang menyeluruh.

Terlebih dahulu perlu dijelaskan bahawa terdapat perbezaan yang luas di kalangan masyarakat Islam dan ini menyukarkan untuk memberikan satu gambaran umum. Terdapat berbagai sikap terhadap wanita dalam masyarakat Islam hari ini. Sikap ini berbeza dari satu masyarakat ke masyarakat lain, dan terdapat juga perbezaan di dalam setiap masyarakat itu sendiri. Namun satu sikap umum dapat diperhatikan. Hampir semua masyarakat Islam, pada tahap yang berbeza, telah menyeleweng daripada sikap Islam yang ideal mengenai status wanita. Biasanya penyelewengan ini berasaskan dua pendapat yang bertentangan. Pendapat yang pertama lebih konservatif, mengongkong dan berorientasikan tradisi manakala pendapat kedua lebih liberal dan berorientasikan Barat.

Masyarakat yang cenderung kepada pendapat pertama melayan wanita menurut adat dan tradisi yang diamalkan oleh nenek moyang mereka. Tradisi-tradisi ini biasanya menafikan banyak hak-hak yang telah diberikan oleh Islam kepada wanita. Selain daripada itu, wanita juga diberikan layanan yang berbeza daripada lelaki. Diskriminasi ini merangkumi kehidupan semua wanita: beliau dinafikan hak mewarisi harta pusaka, sentiasa diawasi supaya tidak berkelakuan tidak sopan sementara tingkah laku tidak sopan saudara lelakinya dibiarkan sahaja; beliau mungkin dibunuh kerana melakukan sesuatu yang biasanya dimegahkan oleh saudara lelakinya; beliau hampir tiada suara dalam urusan keluarga dan masyarakat; beliau tidak mempunyai kawalan penuh ke atas harta dan hadiah perkahwinannya; dan akhirnya, sebagai ibu, beliau lebih suka melahirkan anak lelaki yang mana ini akan memberikannya status yang tinggi dalam masyarakatnya.

Sebaliknya, terdapat pula masyarakat Muslim (atau kelas tertentu dalam sesuatu masyarakat) yang hanyut dalam budaya dan cara hidup barat. Masyarakat ini biasanya meniru tanpa berfikir apa sahaja yang diterima dari Barat, dan biasanya menerima akibat terburuk daripada tamadun Barat. Dalam masyarakat ini, yang menjadi keutamaan wanita 'moden' adalah mencantikkan dirinya. Maka beliau biasanya leka dengan bentuk badan dan berat badannya. Beliau lebih mengambil berat mengenai tubuhnya daripada fikirannya, dan lebih mengambil berat tentang daya tarikannya daripada kebijaksanaannya. Kebolehannya menarik perhatian dan menawan lebih dihargai di dalam masyarakat berbanding pencapaian akademiknya, perkembangan intelektual dan kerja-kerja sosial. Anda tidak akan menemui naskah Qur'an di dalam tas tangannya kerana ia penuh dengan alat solek yang dibawa ke mana sahaja. Rohaninya tiada tempat di dalam masyarakat yang lebih berminat dengan daya tarikannya. Oleh yang demikian, beliau akan menghabiskan masanya menonjolkan sifat-sifat kewanitaannya berbanding sifat-sifat kemanusiaannya.

Mengapakah masyarakat Islam menyimpang dari ajaran Islam yang ideal? Tiada jawapan yang mudah. Penjelasan mengapa umat Islam tidak menuruti bimbingan Qur'an mengenai wanita melampaui skop kajian

⁸⁴ Khalil Gibran, "*Thoughts and Meditations*" (New York: Bantam Books, 1960) m.s. 28.

ini. Namun perlu dijelaskan bahawa umat Islam telah menyimpang daripada ajaran Islam dari berbagai aspek kehidupan mereka untuk sekian lama. Terdapat jurang yang besar di antara apa yang umat Islam seharusnya percaya dengan apa yang mereka amalkan. Jurang ini bukan fenomena baru. Ia telah wujud selama beberapa abad dan semakin luas hari demi hari. Jurang yang semakin lebar ini mempunyai kesan yang buruk ke atas dunia Islam dan kesan ini dapat dilihat dalam berbagai aspek kehidupan: penindasan politik dan perpecahan, ekonomi yang mundur, ketidakadilan sosial, bidang sains yang mufli, intelektual yang tidak berkembang dsb. Status wanita Muslim yang tidak menurut ajaran Islam dalam dunia Islam hari ini adalah sebahagian daripada kesan kepada masalah ini. Sebarang reformasi ke atas status wanita Muslim hari ini tidak akan terhasil jika tidak diiringi oleh reformasi yang menyeluruh ke atas cara hidup masyarakat Islam secara keseluruhannya. Dunia Islam memerlukan pembaharuan yang akan membawanya lebih hampir kepada idealisma Islam, bukannya menjauhkannya daripada idealisma tersebut. Ringkasnya, tanggapan bahawa status wanita Islam yang rendah adalah disebabkan oleh Islam adalah salah. Umumnya, masalah umat Islam bukannya disebabkan mereka patuh kepada Islam, tetapi kerana mereka jauh daripada ajaran Islam.

Perlu ditegaskan sekali lagi bahawa kajian perbandingan ini sama sekali tidak bertujuan untuk merendahkan Judaisma atau Kristian. Kedudukan wanita di dalam tradisi Judaeo-Kristian mungkin kelihatan menakutkan bagi kita yang hidup di abad kedua puluh. Bagaimanapun, ia perlu dilihat berdasarkan konteks sejarah yang betul. Dengan kata lain, sebarang penilaian objektif ke atas kedudukan wanita dalam tradisi Judaeo-Kristian mesti mengambil kira keadaan sejarah semasa tradisi ini berkembang. Tidak diragukan bahawa pendapat para Rabai dan Bapa-bapa Gereja mengenai wanita dipengaruhi oleh sikap umum terhadap wanita dalam masyarakat mereka. Bible sendiri ditulis oleh pengarang-pengarang yang berbeza pada mas ayang berlainan. Pengarang-pengarang ini tidak mungkin tidak dipengaruhi oleh nilai-nilai dan cara hidup masyarakat di sekeliling mereka. Contohnya, undang-undang perzinaan di dalam Perjanjian Lama amat berat sebelah terhadap wanita sehinggalah ia tidak dapat difahami oleh kita. Namun jika kita mempertimbangkan hakikat bahawa suku-suku awal Yahudi amat taksu dengan homogeniti keturunan mereka, dan amat bersungguh untuk membezakan diri mereka daripada suku-suku di sekeliling mereka, dan bahawa salah laku seks oleh wanita yang telah berkahwin dalam suku mereka boleh mengancam aspirasi ini, maka kita dapat memahami, tetapi bukannya bersetuju, dengan sikap berat sebelah ini. Juga penghinaan Bapa-bapa Gereja terhadap wanita tidak patut dipisahkan daripada konteks misioginis budaya Greko-Rom yang mempengaruhi hidup mereka. Adalah tidak adil untuk menilai warisan Judaeo-Kristian tanpa mempertimbangkan konteks sejarah yang relevan.

Sesungguhnya, pemahaman yang wajar mengenai konteks sejarah Judaeo-Kristian adalah penting untuk memahami kepentingan sumbangan Islam kepada sejarah dunia dan tamadun manusia. Tradisi Judaeo-Kristian telah dipengaruhi dan dibentuk oleh persekitaran, keadaan dan budaya di sekelilingnya. Pada abad ketujuh Masihi, pengaruh ini telah memutarbelitkan wahyu yang disampaikan kepada Musa dan Jesus sehingga wahyu asal tidak dapat dikenal pasti. Status wanita yang rendah dalam dunia Judaeo-Kristian pada abad ketujuh adalah salah satu kesan putarbelit ini. Oleh itu, terdapat keperluan yang besar untuk satu wahyu baru untuk membimbing manusia kembali ke jalan yang benar. Qur'an menggambarkan misi Utusan baru ini sebagai pembebasan kaum Yahudi dan Kristian daripada beban yang berat yang mereka tanggung selama ini:

"Orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang baik dan melarang mereka daripada mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang daripada mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka."

Qur'an, An-A'raaf (7):157

Oleh itu, Islam tidak seharusnya dilihat sebagai saingan kepada tradisi Judaisma atau Kristian. Ia harus dilihat sebagai penyempurnaan kepada wahyu yang telah diturunkan sebelum ini.

Pada penghujung kajian ini, saya ingin menawarkan nasihat berikut kepada masyarakat Islam sedunia. Begitu ramai wanita Muslim yang telah dinafikan hak-hak mereka yang asas untuk sekian lama. Kesilapan masa lalu mesti diperbetulkan. Ini bukannya suatu pemberian, tetapi adalah tanggungjawab ke atas semua Muslim. Masyarakat Islam di serata dunia perlu mengeluarkan piagam hak-hak wanita Muslim berdasarkan Qur'an dan ajaran Nabi agama Islam. Piagam ini mesti memberikan wanita Muslim semua hak-hak yang telah dianugerahkan kepada mereka oleh Pencipta mereka. Kemudian segala kaedah-kaedah perlu dibangunkan untuk memastikan piagam ini dilaksanakan. Piagam ini seharusnya telah lama digubal, tetapi kita belum terlewat. Jika umat Islam sedunia tidak menjamin hak-hak ini untuk ibu-ibu, isteri-isteri, adik-adik, kakak-kakak dan anak-anak perempuan mereka, siapa lagi yang akan melakukannya?

Selanjutnya, kita harus berani berhadapan dengan masa silam kita dan menolak semua tradisi dan adat nenek-moyang kita apabila ia bertentangan dengan Islam. Bukankah Qur'an dengan keras mengecam kaum penyembah berhala Arab kerana menuruti adat nenek-moyang mereka dengan membuta tuli? Sebaliknya, kita perlu mengembangkan sikap yang kritikal terhadap apa sahaja yang kita terima dari Barat atau dari mana-mana budaya lain. Interkasi dan belajar dari budaya lain adalah pengalaman yang tidak ternilai. Qur'an dengan tepat telah menyatakan interaksi ini sebagai salah satu sebab penciptaan:

"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling berkenalan."

Al-Qur'an, Al-Hujuraat (49):13

Jelas bahawa menuruti sesuatu secara membuta tuli adalah salah satu tiada keyakinan diri.

Kata-kata akhir ini ditujukan kepada pembaca bukan Muslim, sama ada Yahudi, Kristian atau lain-lain. Adalah amat menghairankan mengapa agama yang telah merevolusi status wanita dituduh dan dihina sebagai agama yang menekan wanita. Persepsi ini adalah salah satu mitos yang paling meluas dalam dunia hari ini. Mitos ini disebarkan melalui banyak buku-buku, artikel-artikel, media-media, dan filem-filem Hollywood yang sensasi. Kesan yang tidak dapat dielakkan akibat daripada imej yang salah ini adalah salah faham dan rasa takut terhadap apa-apa yang berkaitan dengan Islam. Gambaran yang negatif mengenai Islam oleh media-media dunia mesti dihentikan jika kita mahu hidup di dalam dunia yang sama sekali bebas daripada diskriminasi, prejudis dan salah faham. Golongan bukan Islam harus faham bahawa wujud jurang yang luas di antara kepercayaan Islam dengan apa yang diamalkan, dan hakikat bahawa tindak-tanduk kebanyakan umat Islam tidak semestinya mewakili Islam. Untuk melabel status wanita di dalam dunia Islam hari ini sebagai 'Islam' adalah amat tidak benar, sebagaimana tidak benarnya melabel status wanita di barat ini sebagai mewakili 'Judaeo-Kristian'. Dengan kefahaman ini, umat Islam dan bukan Islam harus memulakan proses komunikasi dan dialog untuk menghapuskan segala salah faham, syak wasangka dan rasa takut. Masa depan yang aman untuk kita memerlukan dialog seperti ini.

Islam harus dilihat sebagai agama yang banyak memperbaiki status wanita dan menganugerahkan mereka banyak hak-hak yang hanya diiktiraf oleh dunia moden pada abad ini. Banyak yang boleh ditawarkan oleh Islam kepada wanita hari ini: maruah, kehormatan dan perlindungan dalam semua aspek dan peringkat kehidupannya dari masa beliau lahir sehinggalah saat kematiannya di samping pengiktirafan, keseimbangan dan cara untuk memenuhi keperluan kerohanian, intelektual, fizikal dan emosi. Tidak hairanlah kebanyakan mereka yang memilih untuk menganut Islam di negara-negara seperti Britain adalah wanita. Di Amerika Syarikat, bilangan wanita yang menganut Islam mengatasi bilangan lelaki yang menganut Islam dengan

nisbah 4 ke 1⁸⁵. Banyak yang boleh ditawarkan oleh Islam kepada dunia kita yang amat memerlukan bimbingan dan kepimpinan moral. Pada 24 Jun, 1985, Duta Herman Eilts dalam testimoni di hadapan jawatankuasa Hubungan Luar Negara di Perwakilan Parlimen Kongres Amerika Syarikat berkata, "*Masyarakat Islam di dunia hari ini berada dalam lingkungan satu bilion. Bilangan ini amat mengagumkan. Tetapi apa yang juga mengagumkan saya adalah Islam adalah agama monoteistik yang paling pantas berkembang hari ini. Ada sesuatu yang perlu kita pertimbangkan. Ada sesuatu yang betul mengenai Islam. Ia telah menarik begitu ramai orang baik-baik.*". Ya, ada sesuatu yang betul mengenai Islam dan telah tiba masanya untuk kita menentukan apakah ia. Saya berharap agar kajian ini adalah satu langkah ke arah tersebut.

⁸⁵ *The Times*, Nov. 18, 1993.